

NOTA PENERANGAN



B 2025

INDIVIDU PEMASTAUTIN YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN

TAMBAHAN / PINDAAN		
Ruang	Perkara	Muka Surat
B8	Pendapatan berkanun dividen punca Malaysia	6
B22a	Pendapatan berkanun dividen punca Malaysia yang dilaporkan suami / isteri	9
B22b	Pendapatan agregat yang dilaporkan suami / isteri	10
H2	Perbelanjaan untuk ibu bapa atau datuk nenek	22
H4	Individu yang kurang upaya	22
H7 (i)	Pemeriksaan perubatan penuh atau fi bayaran ujian pengesanan penyakit ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak	25
H7(ii)	Pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan sendiri yang didaftarkan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak	25
H10	Gaya hidup – Pelepasan tambahan untuk kegunaan / manfaat diri sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa	27
H15	Suami / isteri yang kurang upaya	32
H16c	Anak – Kurang upaya	34
H21	Pembelian mesin kompos sisa makanan bagi kegunaan isi rumah	38
H22	Bayaran faedah pinjaman rumah kediaman pertama yang dibeli untuk diduduki sebagai tempat tinggal dan terhad kepada satu unit sahaja	38

BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA

Nota ini disediakan bagi membantu **individu** yang **bermastautin di Malaysia** mengikut peruntukan seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) atau **dianggap bermastautin** di bawah subseksyen 7(1B) Akta yang sama, untuk melengkapkan Borang B bagi Tahun Taksiran 2025. Sila baca nota ini dengan teliti supaya pengisian dan pengisytiharan semua punca pendapatan bagi Tahun Taksiran 2025 adalah benar, lengkap dan betul.

Bagi individu berkahwin yang memilih taksiran bersama sama ada atas nama suami atau isteri, dan mempunyai jumlah pendapatan yang disatukan, kedua-dua suami isteri perlu mengisi secara berasingan sama ada:

- (a) Borang B (individu pemastautin yang menjalankan perniagaan); atau
- (b) Borang BT (individu pemastautin yang merupakan pekerja berpengetahuan / berkepakaran / bukan warganegara memegang jawatan utama yang diluluskan oleh Menteri); atau
- (c) Borang BE (individu pemastautin yang tidak menjalankan perniagaan).

Helaian kerja, lampiran dan maklumat lain untuk melengkapkan Borang B boleh diperoleh di Portal Rasmi LHDNM: <https://www.hasil.gov.my> > Borang > Muat Turun Borang > Individu > **Panduan Pengiraan & Maklumat Lain.**

Semua rekod, helaian kerja dan dokumen tidak perlu disertakan semasa pengemukaan Borang B KECUALI bagi kes pembayaran balik yang mana helaian kerja berikut perlu dikemukakan:-

- (i) Helaian Kerja HK-6 mengenai tolakan cukai di bawah seksyen 110 (lain-lain); dan
- (ii) Helaian Kerja HK-8 / HK-9 (jika berkenaan) berhubung dengan potongan cukai yang telah dibuat di negara asing.

Rekod, dokumen dan helaian kerja yang digunakan dalam pengiraan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

Sila isi semua ruangan yang berkaitan dengan **HURUF BESAR** dan gunakan pen mata bulat berdakwat **hitam**. Biarkan kosong sekiranya ruangan yang disediakan adalah tidak berkenaan.

MAKLUMAT ASAS

1 - 4	Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Untuk ruangan 'No. Pengenalan Cukai (TIN)', isikan TIN di petak yang disediakan. Contoh: TIN adalah IG 10234567080 No. Pengenalan Cukai (TIN) IG 10234567080 Untuk ruangan 'No. Pengenalan', isikan nombor MyKad / kad pengenalan baharu / polis / tentera	
5	No. pasport didaftar dengan LHDNM	Isikan no. pasport terakhir yang telah didaftarkan dengan LHDNM sebelum bertukar kepada pasport semasa.

BAHAGIAN A:		MAKLUMAT INDIVIDU
A1	Warganegara	Isi 'MYS' bagi warganegara Malaysia. Sekiranya bukan warganegara Malaysia, sila rujuk kod negara yang disediakan di muka surat 46 nota penerangan ini atau Lampiran E.
A2	Jantina	Isikan '1' untuk lelaki atau '2' untuk perempuan.
A3	Tarikh lahir	Isikan tarikh lahir mengikut turutan: hari, bulan dan tahun.
A4	Status pada 31-12-2025	Isikan '1' untuk bujang; '2' untuk kahwin; '3' untuk janda / balu / duda; '4' untuk mati.

A5	Tarikh kahwin / cerai / mati	Jika perkahwinan / perpisahan mengikut undang-undang atau kematian berlaku dalam tahun semasa, isikan tarikh mengikut turutan: hari, bulan dan tahun.
A6	Penyimpanan rekod	Ini merujuk kepada penyimpanan rekod yang mencukupi seperti dikehendaki mengikut peruntukan ACP 1967. Isikan '1' jika mematuhi atau '2' jika tidak.
A7	Jenis taksiran	Isikan: (i) '1' jika isteri memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami. Isteri tidak perlu mengisi ruang B22 hingga B39 dan Bahagian H Borang B; atau (ii) '2' jika suami memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama isteri. Suami tidak perlu mengisi ruang B22 hingga B39 dan Bahagian H Borang B; atau (iii) '3' jika individu dan pasangan memilih taksiran berasingan; atau (iv) '4' jika suami / isteri tiada pendapatan atau tiada punca pendapatan atau mempunyai pendapatan dikecualikan cukai; atau (v) '5' jika status individu adalah bujang / janda / balu / duda / si mati Nota:- Syarat-syarat kelayakan untuk memilih taksiran bersama: (i) Suami dan isteri tinggal bersama dalam tahun asas dan tidak berhenti tinggal bersama dalam tahun asas tersebut; (ii) Mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami / isteri; (iii) Suami / Isteri yang memilih taksiran bersama mesti warganegara Malaysia, jika tidak bermastautin; (iv) Pengagregatan jumlah pendapatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja.
BAHAGIAN BA:		PENGIRAAN PENDAPATAN BERCUKAI
B1	Pendapatan berkanun perniagaan punca Malaysia	Keuntungan yang diperoleh daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian, profesion dan setiap pengilangan, duga niaga atau usaha bercorak perdagangan dikenakan cukai. Perolehan dan keuntungan termasuk terimaan kasar daripada penjualan barang-barang dan terimaan daripada pemberian perkhidmatan seperti doktor atau peguam. Amaun J5 dari Helaian Kerja HK-1 / amaun L dari Helaian Kerja HK-1D.

B1a	Bilangan perniagaan	Isikan ruang ini sekiranya mempunyai pendapatan berkanun daripada perniagaan punca Malaysia. <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Contoh</th><th>Bilangan Perniagaan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Encik Hasan menjalankan perniagaan-perniagaan berikut:- (i) HYS Enterprise (stesen minyak dan kedai runcit di stesen minyak) (ii) Bersatu Enterprise (restoran)</td><td>3</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Encik Steven mempunyai perniagaan-perniagaan berikut pada tahun 2025:- (i) Steven & Sons Enterprise (kedai tayar) ditamatkan mulai 1 Mac 2025 tetapi beroperasi semula mulai 1 November 2025. (ii) Steven Enterprise (kedai basikal)</td><td>2</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Encik Mark menjalankan perniagaan menjual bahan makanan semenjak tahun 2021. Mulai 1 September 2025, Encik Mark menukar nama perniagaannya, Mark Enterprise kepada Mark & Sons.</td><td>1</td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Contoh	Bilangan Perniagaan	1.	Encik Hasan menjalankan perniagaan-perniagaan berikut:- (i) HYS Enterprise (stesen minyak dan kedai runcit di stesen minyak) (ii) Bersatu Enterprise (restoran)	3	2.	Encik Steven mempunyai perniagaan-perniagaan berikut pada tahun 2025:- (i) Steven & Sons Enterprise (kedai tayar) ditamatkan mulai 1 Mac 2025 tetapi beroperasi semula mulai 1 November 2025. (ii) Steven Enterprise (kedai basikal)	2	3.	Encik Mark menjalankan perniagaan menjual bahan makanan semenjak tahun 2021. Mulai 1 September 2025, Encik Mark menukar nama perniagaannya, Mark Enterprise kepada Mark & Sons.	1
Bil.	Contoh	Bilangan Perniagaan												
1.	Encik Hasan menjalankan perniagaan-perniagaan berikut:- (i) HYS Enterprise (stesen minyak dan kedai runcit di stesen minyak) (ii) Bersatu Enterprise (restoran)	3												
2.	Encik Steven mempunyai perniagaan-perniagaan berikut pada tahun 2025:- (i) Steven & Sons Enterprise (kedai tayar) ditamatkan mulai 1 Mac 2025 tetapi beroperasi semula mulai 1 November 2025. (ii) Steven Enterprise (kedai basikal)	2												
3.	Encik Mark menjalankan perniagaan menjual bahan makanan semenjak tahun 2021. Mulai 1 September 2025, Encik Mark menukar nama perniagaannya, Mark Enterprise kepada Mark & Sons.	1												
B2	Pendapatan berkanun perkongsian punca Malaysia	Pembahagian keuntungan / kerugian yang diperoleh daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian, profesion dan setiap pengilangan, duga niaga atau usaha bercorak perdagangan dikenakan cukai. Amaun E / G dari Helaian Kerja HK-1B.												
B2a	Bilangan perkongsian	Ruang ini perlu diisi sekiranya mempunyai pendapatan berkanun daripada perkongsian punca Malaysia. <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Contoh</th><th>Bilangan Perkongsian</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Encik Phan menerima pendapatan perkongsian daripada firma guaman berikut pada tahun 2025:- (i) Phan & Associates : Januari 2025 – Mei 2025 (ii) Mulai 1 Jun 2025, perkongsian bertukar nama kepada Phan, Chris & Associates dengan kemasukan seorang ahli kongsi baharu.</td><td>1</td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Contoh	Bilangan Perkongsian	1.	Encik Phan menerima pendapatan perkongsian daripada firma guaman berikut pada tahun 2025:- (i) Phan & Associates : Januari 2025 – Mei 2025 (ii) Mulai 1 Jun 2025, perkongsian bertukar nama kepada Phan, Chris & Associates dengan kemasukan seorang ahli kongsi baharu.	1						
Bil.	Contoh	Bilangan Perkongsian												
1.	Encik Phan menerima pendapatan perkongsian daripada firma guaman berikut pada tahun 2025:- (i) Phan & Associates : Januari 2025 – Mei 2025 (ii) Mulai 1 Jun 2025, perkongsian bertukar nama kepada Phan, Chris & Associates dengan kemasukan seorang ahli kongsi baharu.	1												
	Elaun modal	Tuntutan susut nilai atas aset-aset yang digunakan untuk tujuan perniagaan adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, ia dibenarkan sebagai elaun modal yang boleh ditolak daripada pendapatan larasan perniagaan / perkongsian. Kadar elaun bergantung kepada jenis aset. Rujuk Helaian Kerja HK-1.2 hingga HK-1.2A untuk pengiraan.												
B3	Pendapatan berkanun perniagaan dan perkongsian punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia	Ruang ini perlu diisi oleh individu pemastautin yang meremitkan pendapatan perniagaan dan / atau perkongsian dari punca luar Malaysia ke Malaysia- Isi maklumat yang dikehendaki di Bahagian E.												

B5	Rugi perniagaan bawa hadapan	Kerugian perniagaan / perkongsian daripada tahun / tahun-tahun taksiran terdahulu yang belum ditolak dan dibawa ke tahun semasa untuk ditolak daripada punca perniagaan / perkongsian. Amaun dari Helaian Kerja HK-1.3. Jika amaun B5 melebihi B4, isikan amaun B4 dalam ruang ini.												
B7	Pendapatan berkanun penggajian punca Malaysia													
B7a	Bilangan penggajian	Ruang ini perlu diisi sekiranya mempunyai pendapatan berkanun daripada penggajian punca Malaysia. <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Contoh</th><th>Bilangan penggajian</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Encik Adi menerima bayaran yuran pengarah daripada Mas Sdn. Bhd. dan Dinar Sdn. Bhd. dalam tahun 2025.</td><td>2</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Encik Sami bekerja dengan majikan-majikan berikut pada tahun 2025:- (i) GHI Sdn. Bhd. : Januari 2025 – April 2025 (ii) HIL Sdn. Bhd. : Mei 2025 – November 2025 (iii) GHI Sdn. Bhd. : Disember 2025</td><td>3</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Puan Edith yang bekerja dengan MDP Holdings Bhd., dipinjamkan ke MDP Technology Sdn. Bhd. (dalam kumpulan syarikat yang sama) dari 1 Jun 2025 hingga 30 September 2025. Gajinya bagi Jun hingga September 2025 dibayar oleh MDP Holdings Bhd. (i) MDP Holdings Bhd. : Januari 2025 – Mei 2025 (ii) MDP Technology Sdn. Bhd. : Jun 2025 – September 2025 (iii) MDP Holdings Bhd. : Oktober 2025 – Disember 2025</td><td>1</td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Contoh	Bilangan penggajian	1.	Encik Adi menerima bayaran yuran pengarah daripada Mas Sdn. Bhd. dan Dinar Sdn. Bhd. dalam tahun 2025.	2	2.	Encik Sami bekerja dengan majikan-majikan berikut pada tahun 2025:- (i) GHI Sdn. Bhd. : Januari 2025 – April 2025 (ii) HIL Sdn. Bhd. : Mei 2025 – November 2025 (iii) GHI Sdn. Bhd. : Disember 2025	3	3.	Puan Edith yang bekerja dengan MDP Holdings Bhd., dipinjamkan ke MDP Technology Sdn. Bhd. (dalam kumpulan syarikat yang sama) dari 1 Jun 2025 hingga 30 September 2025. Gajinya bagi Jun hingga September 2025 dibayar oleh MDP Holdings Bhd. (i) MDP Holdings Bhd. : Januari 2025 – Mei 2025 (ii) MDP Technology Sdn. Bhd. : Jun 2025 – September 2025 (iii) MDP Holdings Bhd. : Oktober 2025 – Disember 2025	1
Bil.	Contoh	Bilangan penggajian												
1.	Encik Adi menerima bayaran yuran pengarah daripada Mas Sdn. Bhd. dan Dinar Sdn. Bhd. dalam tahun 2025.	2												
2.	Encik Sami bekerja dengan majikan-majikan berikut pada tahun 2025:- (i) GHI Sdn. Bhd. : Januari 2025 – April 2025 (ii) HIL Sdn. Bhd. : Mei 2025 – November 2025 (iii) GHI Sdn. Bhd. : Disember 2025	3												
3.	Puan Edith yang bekerja dengan MDP Holdings Bhd., dipinjamkan ke MDP Technology Sdn. Bhd. (dalam kumpulan syarikat yang sama) dari 1 Jun 2025 hingga 30 September 2025. Gajinya bagi Jun hingga September 2025 dibayar oleh MDP Holdings Bhd. (i) MDP Holdings Bhd. : Januari 2025 – Mei 2025 (ii) MDP Technology Sdn. Bhd. : Jun 2025 – September 2025 (iii) MDP Holdings Bhd. : Oktober 2025 – Disember 2025	1												

Gaji, bonus, yuran pengarah, komisen dan apa-apa perkuisit [seperti skim opsyen saham (Ketetapan Umum No. 11/2012 [Asal dan pindaan]), premium insurans / yuran sekolah dan tuisyen yang dibayar oleh majikan] hendaklah dilaporkan. Perbelanjaan keraian dan perjalanan adalah potongan yang dibenarkan dengan syarat perbelanjaan dilakukan dalam menghasilkan pendapatan penggajian dan dalam menjalankan tugas rasmi. Tuntutan perbelanjaan keraian dihadkan kepada jumlah elaun keraian yang dimasukkan sebagai pendapatan kasar daripada penggajian. Sekiranya perbelanjaan dibayar ganti oleh majikan berhubung kedua-dua perbelanjaan di atas, ia tidak dikenakan cukai dan juga tidak merupakan perbelanjaan yang boleh dituntut sebagai potongan.

Amaun N4 dari Helaian Kerja HK-2.

Nota:

Mulai Tahun Taksiran 2016, pendapatan kasar daripada penggajian bagi mana-mana tempoh akan dikenakan cukai dalam tahun ia diterima [Subseksyen 25(1) ACP 1967].

Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai

Rujuk: Ketetapan Umum No. 5/2019 (Perkuisit Daripada Penggajian); dan
Ketetapan Umum No. 11/2019 (Manfaat Berupa Barangan)

Ganjaran (Rujukan: Ketetapan Umum No. 9/2016)

Ganjaran merupakan sejumlah wang yang diterima semasa persaraan / tamat kontrak dan dianggap sebagai hadiah untuk perkhidmatan yang lalu. Rujuk Helaian Kerja HK-2.2 dan Lampiran B1 untuk pengiraan.

1. Ganjaran berikut dikecualikan dari cukai pendapatan:

(i) **Ganjaran persaraan**

- (a) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa persaraan daripada penggajian itu disebabkan gangguan kesihatan; atau
- (b) Persaraan itu berlaku pada atau selepas seseorang itu mencapai umur 55 tahun atau mencapai umur wajib bersara dari penggajiannya dan telah berkhidmat berturutan selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat di dalam kumpulan yang sama; atau
- (c) Persaraan itu berlaku apabila mencapai umur wajib bersara di bawah satu kontrak penggajian atau perjanjian kolektif pada umur 50 tahun tetapi sebelum 55 tahun dan telah berkhidmat selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

(ii) **Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam** – Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam apabila bersara daripada penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(iii) **Ganjaran yang dibayar kepada pegawai kontrak** – Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam kepada pegawai kontrak apabila tamat kontrak penggajiannya tidak kira sama ada kontraknya diperbaharui ataupun tidak.

(iv) **Ganjaran kematian** – Wang yang diterima sebagai ganjaran kematian.

2. **Pengecualian sebahagian atas ganjaran:**

Mulai Tahun Taksiran 2016, seseorang pekerja yang menerima wang sebagai ganjaran:

- (i) apabila bersara daripada suatu penggajian; atau
- (ii) atas pemberhentian suatu kontrak penggajian

selain daripada ganjaran yang layak pengecualian di bawah perenggan 1 di atas, adalah layak mendapat pengecualian sebanyak **RM1,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan**. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan pengecualian sebahagian, tempoh penggajian dengan syarikat-syarikat lain dalam kumpulan yang sama TIDAK DIANGGAP sebagai tempoh penggajian dengan majikan yang sama.

Elaun Cukai

Cukai pendapatan seseorang pekerja yang ditanggung oleh majikannya adalah Elaun Cukai yang dikenakan cukai di bawah peruntukan perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Sila rujuk Helaian Kerja HK-2.3 dan Lampiran B2, serta Ketetapan Umum No. 3/2024 untuk pengiraan.

Yuran Kepada Badan Profesional – Yuran kepada badan profesional berhubung keahlian untuk mengekalkan kedudukan profesion berkaitan dan menjalankan pekerjaan dibenarkan sebagai tolakan, contohnya yuran profesion perubatan atau guaman.

Manfaat Berupa Barangan (MBB)

Nilai tahunan manfaat berupa barangan yang disediakan oleh majikan seperti kereta, minyak, pemandu, kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan, telefon bimbit, aset-aset untuk tujuan keraian dan rekreasi. Rujuk Helaian Kerja HK-2.4 dan Lampiran B3, serta Ketetapan Umum No. 11/2019 untuk pengiraan.

Nilai Tempat Kediaman

Nilai tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia. Rujuk Helaian Kerja HK-2.5 dan Lampiran B4, serta Ketetapan Umum No. 3/2005 (Asal dan Tambahan) untuk pengiraan.

Bayaran Balik Daripada Skim Pencen Yang Tidak Diluluskan

Amaun yang dicarum oleh majikan kepada tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan yang diterima oleh pekerja sebelum atau selepas tamat penggajian. Rujuk Helaian Kerja HK-2.6 untuk pengiraan.

Pampasan

Bayaran yang dibuat oleh majikan kepada pekerja disebabkan kehilangan pekerjaan atau sebab-sebab lain. Rujuk Helaian Kerja HK-2.7 dan Lampiran B5, serta Ketetapan Umum No. 1/2012 untuk pengiraan.

Pengecualian sepenuh atau sebahagian atas pampasan disebabkan kehilangan pekerjaan:

- (i) **Pengecualian penuh** – Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa bayaran dilakukan kerana kehilangan pekerjaan disebabkan gangguan kesihatan; atau
- (ii) **Pengecualian sebahagian** – Bagi pemberhentian kerja pada atau selepas 1 Julai 2008, pampasan selain daripada perenggan (i) di atas adalah layak mendapat pengecualian sebanyak **RM10,000 bagi setiap tahun lengkap perkhidmatan** dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

B8	Pendapatan berkanun dividen punca Malaysia	Pengenaan cukai ini dikenali sebagai Cukai Dividen. Skop pengenaan Cukai Dividen adalah seperti berikut: (i) Pendapatan dividen yang diterima oleh pemegang saham individu daripada pendapatan yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan daripada keuntungan syarikat meliputi saham tersenarai dan saham tidak tersenarai di Malaysia. Pendapatan dividen meliputi pembayaran dalam bentuk kewangan atau selainnya; (ii) Pemegang saham individu terdiri daripada individu pemastautin dan bukan pemastautin; dan (iii) Individu yang memegang saham melalui nomini. Pengenaan cukai ke atas individu bagi pendapatan dividen yang melebihi RM100,000 tersebut adalah pada kadar 2% atas pendapatan bercukai yang berkaitan dengan pendapatan dividen di bawah Bahagian XXII Jadual 1 ACP. Penentuan pendapatan bercukai dividen ini adalah berdasarkan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Pendapatan Kena Cukai Individu Berkenaan Dengan Dividen) 2025 [P.U. (A) 148/2025] yang diwartakan pada 7 Mei 2025. Contoh: Encik Razif, seorang pemastautin di Malaysia, menerima agihan dividen daripada pemegangan saham dalam Syarikat Harmoni Sdn Bhd, sebuah syarikat terkawal, berjumlah RM2,500,000 dalam tahun 2025. Pendapatan dividen yang diterima oleh Encik Razif adalah tertakluk kepada Cukai Dividen kerana melebihi nilai ambang RM100,000 yang ditetapkan. Amaun RM100,000 tersebut hendaklah ditolak daripada pendapatan berkanun dividen. Oleh itu, pendapatan berkanun dividen yang perlu dilaporkan oleh Encik Razif bagi tahun taksiran 2025 ialah RM2,400,000.
B9	Sewa punca Malaysia	Penerimaan dari sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain.
B10	Faedah punca Malaysia	Pendapatan faedah yang diterima oleh individu bermastautin daripada wang yang didepositkan dalam institusi berikut adalah dikecualikan cukai: (i) Bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau yang disifatkan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; (ii) Bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; (iii) Institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; (iv) Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995; (v) Malaysia Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016; (vi) Borneo Housing Finance Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016; dan (vii) Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.

	Diskaun punca Malaysia	Pendapatan daripada urus niaga pendiskaunan yang melibatkan bil perbendaharaan, bil pertukaran atau nota janji hutang.												
	Royalti punca Malaysia	Penerimaan dari penggunaan hak cipta / paten yang melebihi had pengecualian seperti berikut dikenakan cukai: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Jenis Royalti</th><th>Pengecualian (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td><td>Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera</td><td>10,000</td></tr> <tr> <td>(ii)</td><td>Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan</td><td>12,000</td></tr> <tr> <td>(iii)</td><td>Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik</td><td>20,000</td></tr> </tbody> </table> Amaun H dari Helaian Kerja HK-5.	Bil.	Jenis Royalti	Pengecualian (RM)	(i)	Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera	10,000	(ii)	Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan	12,000	(iii)	Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik	20,000
Bil.	Jenis Royalti	Pengecualian (RM)												
(i)	Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera	10,000												
(ii)	Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan	12,000												
(iii)	Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik	20,000												
	Pencen punca Malaysia	(i) Pencen yang diterima dari Malaysia dan dibayar oleh Kerajaan atau daripada skim pencen yang diluluskan kepada seseorang apabila bersara pada umur 55 tahun atau pada umur persaraan wajib dibawah mana-mana undang-undang bertulis atau persaraan atas sebab keuzuran, adalah dikecualikan cukai. (ii) Di mana seseorang mendapat lebih daripada satu pencen, hanya pencen yang tertinggi dikecualikan. Pencen yang lain hendaklah dilaporkan.												
	Anuiti punca Malaysia	Jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau pelaburan wang yang melayakkan waris atau pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selama-lamanya atau sesuatu tempoh.												
	Bayaran berkala lain punca Malaysia	Bayaran yang dibuat berulang kali pada masa-masa tertentu.												
	Apa-apa perolehan atau keuntungan lain punca Malaysia	Pendapatan lain seperti bayaran sekali sekala untuk penyiaran, syarahan, tulisan atau sebagainya yang terbit daripada usaha / pekerjaan sampingan atau sambilan.												
	Tambahan mengikut peruntukan perenggan 43(1)(c) punca Malaysia	Perolehan-perolehan berikut dianggap pendapatan dan diambil kira di peringkat pendapatan agregat. (i) Perolehan berkaitan dengan perbelanjaan operasi mencari gali di bawah Jadual 4 ACP 1967. (ii) Perolehan boleh diambil kira dalam pengiraan cukai jika tuntutan-tuntutan perbelanjaan telah dibuat. (iii) Rujuk kepada perenggan 43(1)(c) dan perenggan 16 Jadual 4 ACP 1967 untuk membuat pengiraan pendapatan yang perlu diambil kira dalam menentukan pendapatan agregat. (iv) Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan.												
B11	Pendapatan berkanun lain punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia	Ruang ini perlu diisi oleh individu pemastautin yang menerima pendapatan berkanun lain dari punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia seperti penggajian, dividen, faedah, diskaun, sewa, royalti, premium dan pendapatan lain. Isi maklumat yang dikehendaki di Bahagian F.												

B13	Pelaburan yang diluluskan di bawah insentif cukai bagi pelabur mangkin	(i) Pelabur Mangkin Insentif cukai bagi pelaburan yang dibuat oleh seorang pelabur mangkin bertauliah dalam sebuah syarikat penerima pelaburan yang layak. Amaun pendapatan agregat dikecualikan bersamaan dengan amaun pelaburan yang dibuat dalam syarikat penerima pelaburan. Pengecualian diberi tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam surat kelulusan Menteri Kewangan termasuklah : (a) Pelaburan tidak boleh dilupuskan (sepenuhnya atau sebahagian) dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pelaburan itu dibuat; dan (b) Amaun pelaburan yang dibuat untuk tempoh setahun adalah tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM500,000 Insentif cukai ini layak dituntut bagi permohonan yang diterima untuk mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan dalam tempoh 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2023. Sila rujuk Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2014 [P.U.(A) 167/2014], Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) 2019 [P.U.(A) 399/2019] dan Ketetapan Umum No. 12/2020 untuk maklumat lanjut. Amaun B13 adalah terhad kepada amaun B12 (terhad kepada RM500,000). Jika amaun B13 melebihi B12, masukkan amaun B12 ke ruang ini. ATAU (ii) Pendanaan Awam Ekuiti Insentif cukai bagi pelaburan yang dibuat oleh individu pemastautin dalam suatu syarikat penerima pelaburan pada atau selepas 1 Januari 2021 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2026 dan membuat pelaburan dalam bentuk pemegangan syer yang dibayar secara tunai kepada suatu syarikat penerima pelaburan melalui suatu platform pendanaan ramai ekuiti atau melalui suatu perkongsian liabiliti terhad nomini atau syarikat nomini. Pengecualian diberi tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam P.U.(A) 367/2024 termasuk perkara berikut: (a) Pelaburan tidak boleh dilupuskan (sepenuhnya atau sebahagian) dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pelaburan itu dibuat; dan (b) Suatu amaun yang bersamaan dengan 50% amaun pelaburan dan tidak melebihi RM50,000 bagi setiap tahun taksiran; dan (c) Terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang pengecualian itu diberikan. Sila rujuk Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4) 2022 [P.U.(A) 142/2022, Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4) 2022 (Pindaan) 2024 [P.U.(A) 367/2024] dan Ketetapan Umum No. 12/2020 untuk maklumat lanjut. Amaun B13 adalah terhad kepada 50% amaun pelaburan (tidak melebihi RM50,000) dan 10% daripada B12.
-----	--	---

B15	Rugi perniagaan tahun semasa	Kerugian perniagaan / perkongsian tahun semasa boleh ditolak daripada pendapatan agregat tahun yang sama. Contoh: Kerugian perniagaan bagi tahun 2025 boleh ditolak daripada pendapatan agregat bagi tahun 2025 Pindahkan amaun dari Helaian Kerja HK-1.3 ke ruang ini. Amaun B15 adalah terhad kepada amaun B14. Jika amaun B15 melebihi B14, masukkan amaun B14 ke ruang ini.
B17	Perbelanjaan lain: Perbelanjaan mencari gali – Jadual 4	Perbelanjaan yang ditanggung dalam mencari atau mendapat akses kepada simpanan galian dalam suatu kawasan yang layak atau dalam menguji simpanan tersebut, boleh dituntut sebagai potongan. Amaun ini terhad kepada amaun di B16. Rujuk perenggan 44(1)(b) dan Jadual 4 ACP 1967 untuk menentukan kelayakan. Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan.
B18	Derma / hadiah / sumbangan yang diluluskan	Pindahkan amaun dari ruang G8, jika ada. Sila rujuk Ketetapan Umum No. 7/2025. Resit dan dokumen sokongan hendaklah disimpan selama tempoh tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada LHDNM, untuk tujuan rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.
B20	PENDAPATAN PERINTIS KENA CUKAI	Taraf perintis adalah insentif percukaian yang terkandung dalam seksyen 5 hingga seksyen 25 Akta Penggalakan Pelaburan (APP) 1986. Individu yang mendapat kelulusan ini diberi pengecualian cukai untuk keseluruhan atau sebahagian pendapatan perniagaan daripada aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang berhubung dengan pertanian. Rujuk Helaian Kerja HK-1E untuk amaun yang perlu diisi dalam ruang ini.
B22	JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPINDAHKAN DARIPADA SUAMI / ISTERI * BAGI TAKSIRAN BERSAMA * Jenis Pendapatan SUAMI / ISTERI yang dipindahkan	RUANG B22 DAN B23 HANYA PERLU DIISI OLEH INDIVIDU DI MANA TAKSIRAN BERSAMA DIKELUARKAN ATAS NAMANYA. Pindahkan jumlah pendapatan suami / isteri yang ingin disatukan bersama jumlah pendapatan individu ke ruang ini. Nota: Isi '1' jika pendapatan suami / isteri yang dipindahkan menjalankan perniagaan atau '2' jika tidak menjalankan perniagaan. Ruang B22 dan B23 TIDAK PERLU diisi jika: (i) status individu adalah bujang / janda / duda (ii) suami / isteri tiada pendapatan, tiada punca pendapatan atau mempunyai pendapatan dikecualikan cukai (iii) individu memilih taksiran berasingan (iv) individu memilih taksiran bersama atas nama suami / isterinya
B22a	Pendapatan berkanun dividen punca Malaysia yang dilaporkan suami/isteri	Bagi tujuan pengiraan Cukai Dividen, masukkan pendapatan berkanun dividen punca Malaysia yang dilaporkan oleh suami / isteri di dalam borang nyata terlibat bagi taksiran bersama.

B22b	Pendapatan agregat yang dilaporkan suami / isteri	Bagi tujuan pengiraan Cukai Dividen, masukkan pendapatan agregat yang dilaporkan oleh suami / isteri di dalam borang nyata terlibat bagi taksiran bersama.																						
B24	Jumlah pelepasan	Pindahkan amaun dari ruang H23																						
B25	PENDAPATAN BERCUKAI	Amaun (B21 tolak B24) atau (B23 tolak B24)																						
BAHAGIAN BB:		PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN																						
B26	Pendapatan bercukai tertakluk kepada Bahagian XXII Jadual 1	Sekiranya individu pemastautin turut menerima pendapatan selain dividen dalam tempoh asas tersebut, pelarasan perlu dibuat untuk mengasingkan jumlah pendapatan bercukai dividen dan pendapatan bercukai punca lain berdasarkan formula berikut: $\frac{A}{B} \times C$ A Pendapatan berkanun dividen dalam tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2025 B Pendapatan agregat dalam tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2025 C Pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2025 yang tertakluk kepada cukai di bawah Perenggan 1 Bahagian I dan Bahagian XXII Jadual 1																						
B27	Pengiraan cukai pendapatan atas Pendapatan Bercukai yang tertakluk kepada Bahagian XXII Jadual 1	Pendapatan bercukai di B26 akan dikenakan cukai pada kadar 2%																						
B28	Pengiraan cukai pendapatan atas Pendapatan Bercukai yang tertakluk kepada Bahagian I Jadual 1	Amaun B25 tolak B26																						
B28a	Cukai ke atas yang pertama	Padankan amaun di B28 dengan banjaran Pendapatan Bercukai mengikut Jadual Cukai di muka surat 46 nota penerangan ini.																						
B28b	Cukai ke atas baki																							
B29	Cukai pendapatan	Contoh: Pendapatan bercukai di B28 45,500 Cukai ke atas 35,000 yang pertama } Guna pengiraan di 600.00 Cukai ke atas baki 10,500 @ 6% } Kategori D 630.00 Jumlah cukai pendapatan <u>1,230.00</u> Jadual Cukai Masukkan di ruang B28a, B28b dan B29 dalam Borang B seperti berikut: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">B28a Cukai ke atas yang pertama</td> <td style="width: 10%; text-align: right;">35,000</td> <td style="width: 10%; text-align: right;">.00</td> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%; text-align: right;">B28a</td> <td style="width: 10%; text-align: right;">600</td> <td style="width: 10%; text-align: right;">.00</td> </tr> <tr> <td>B28b Cukai ke atas baki</td> <td style="text-align: right;">10,500</td> <td style="text-align: right;">.00</td> <td style="text-align: center;">Atas kadar 6 %</td> <td style="text-align: right;">B28b</td> <td style="text-align: right;">630</td> <td style="text-align: right;">.00</td> </tr> <tr> <td>B29 Cukai pendapatan (B28a + B28b)</td> <td colspan="4"></td> <td style="text-align: right;">B29</td> <td style="text-align: right;"><u>1,230</u></td> <td style="text-align: right;">.00</td> </tr> </table>	B28a Cukai ke atas yang pertama	35,000	.00		B28a	600	.00	B28b Cukai ke atas baki	10,500	.00	Atas kadar 6 %	B28b	630	.00	B29 Cukai pendapatan (B28a + B28b)					B29	<u>1,230</u>	.00
B28a Cukai ke atas yang pertama	35,000	.00		B28a	600	.00																		
B28b Cukai ke atas baki	10,500	.00	Atas kadar 6 %	B28b	630	.00																		
B29 Cukai pendapatan (B28a + B28b)					B29	<u>1,230</u>	.00																	
B30	JUMLAH CUKAI PENDAPATAN	Amaun B27 tambah B29																						

BAHAGIAN BC:		PENGIRAAN CUKAI KENA DIBAYAR / DIBAYAR BALIK														
B32	Jumlah rebat															
	Sendiri	Rebat cukai individu adalah sebanyak RM400 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000. Perenggan 6A(2)(a) ACP 1967.														
	Suami / isteri	Rebat cukai suami / isteri adalah sebanyak RM400 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000 dan telah dibenarkan pelepasan suami / isteri sebanyak RM4,000. Perenggan 6A(2)(b) / Perenggan 6A(2)(c) ACP 1967.														
	Levi pelepasan bagi perjalanan umrah / perjalanan tujuan keagamaan agama lain	Rebat cukai ini diberikan kepada mana-mana individu yang meninggalkan Malaysia melalui udara untuk tujuan menunaikan umrah atau ziarah ke tempat suci untuk tujuan keagamaan agama lain tetapi BUKAN untuk menunaikan haji. Rebat yang dibenarkan adalah bersamaan amaun levi pelepasan yang dibayar tetapi tuntutan adalah terhad kepada dua (2) kali perjalanan seumur hidup. Kelayakan tuntutan hendaklah dibuktikan dengan dokumen berikut:- (i) pas masuk (<i>boarding pass</i>); dan (ii) bagi kes: • umrah – salinan visa yang dikeluarkan oleh kedutaan Arab Saudi • ziarah ke tempat suci untuk tujuan keagamaan agama lain – pengesahan perjalanan yang sah daripada badan keagamaan yang diiktiraf di bawah Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman Dan Keharmonian Antara Penganut Agama, Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional di Jabatan Perdana Menteri. <table><tr><th rowspan="2">Negara / Kelas</th><th colspan="2">Negara ASEAN</th><th colspan="2">Selain negara ASEAN</th></tr><tr><th>Kelas ekonomi</th><th>Selain kelas ekonomi</th><th>Kelas ekonomi</th><th>Selain kelas ekonomi</th></tr><tr><td>Kadar levi pelepasan</td><td>RM8</td><td>RM50</td><td>RM20</td><td>RM150</td></tr></table> Nota: 'Negara ASEAN' ertinya Brunei Darussalam, Negara Cambodia, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Negara Thailand atau Republik Sosialis Vietnam. Perintah Levi Pelepasan (Kadar Levi Pelepasan) 2019 [P.U.(A) 213/2019] dan subseksyen 6A(2A) ACP 1967. Bagi jenis taksiran berikut:- (i) taksiran bersama; (ii) taksiran berasingan; atau (iii) taksiran diri sendiri di mana pasangan tiada pendapatan, tiada punca pendapatan atau tiada jumlah pendapatan Individu yang atas namanya taksiran itu dibangkitkan: • hanya layak menuntut levi pelepasan yang dibayar bagi perjalanan diri sendiri; • TIDAK layak menuntut levi pelepasan yang dibayar bagi perjalanan pasangannya, ahli keluarga atau orang lain. • TIDAK layak menuntut levi pelepasan bagi perjalanan sendiri yang dibayar oleh pihak lain.	Negara / Kelas	Negara ASEAN		Selain negara ASEAN		Kelas ekonomi	Selain kelas ekonomi	Kelas ekonomi	Selain kelas ekonomi	Kadar levi pelepasan	RM8	RM50	RM20	RM150
Negara / Kelas	Negara ASEAN			Selain negara ASEAN												
	Kelas ekonomi	Selain kelas ekonomi	Kelas ekonomi	Selain kelas ekonomi												
Kadar levi pelepasan	RM8	RM50	RM20	RM150												

	Zakat dan fitrah	Bayaran dalam tahun asas bagi zakat dan fitrah yang wajib dibayar. Subseksyen 6A(3) ACP 1967.
B34	Tolakan cukai seksyen 110 (lain-lain)	Gunakan Helaian Kerja HK-6 untuk membuat pengiraan tolakan cukai seksyen 110 ke atas lain-lain pendapatan seperti faedah, royalti, pendapatan seksyen 4A dan pendapatan daripada amanah. Tolakan cukai Seksyen 110 (lain-lain) TIDAK termasuk bayaran cukai pegangan yang tertakluk di bawah Seksyen 107A ACP1967. Sertakan Helaian Kerja HK-6 sekiranya layak menuntut pembayaran balik. Amaun B dari Helaian Kerja HK-6.
B35	Pelepasan cukai seksyen 132	Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan berikut: (i) Pendapatan punca Malaysia yang dibawa masuk ke Malaysia (ii) Pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia oleh pemastautin di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang telah memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia. Rujuk Lampiran F untuk senarai negara-negara yang telah memeterai PPPDK dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP 1967, Ketetapan Umum No.11/2021 dan Garis Panduan Layanan Cukai Berhubung Pendapatan Yang Diterima Dari Luar Negara (Pindaan) [LHDNM.AG.600-1/7/3] Gunakan Helaian Kerja HK-8 untuk membuat pengiraan kredit. Jika kredit cukai yang dituntut untuk suatu tahun taksiran melebihi bahagian cukai Malaysia yang kena dibayar bagi pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia, lebihan kredit cukai tersebut hendaklah diabaikan.
	Pelepasan cukai seksyen 133	Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan berikut: (i) Pendapatan punca Malaysia yang dibawa masuk ke Malaysia (ii) Pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia oleh pemastautin di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang TIDAK memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP 1967, Ketetapan Umum No.11/2021 dan Garis Panduan Layanan Cukai Berhubung Pendapatan Yang Diterima Dari Luar Negara (Pindaan) [LHDNM.AG.600-1/7/3] Gunakan Helaian Kerja HK-9 untuk membuat pengiraan kredit. Jika kredit cukai yang dituntut untuk suatu tahun taksiran melebihi bahagian cukai Malaysia yang kena dibayar bagi pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia, lebihan kredit cukai tersebut hendaklah diabaikan.
B36	CUKAI KENA DIBAYAR	B33 tolak jumlah B34 tambah B35. Jika amaun jumlah B34 tambah B35 melebihi amaun B33, isikan '0' di ruang ini.

B37	CUKAI KENA DIBAYAR BALIK	Jumlah B34 tambah B35 tolak B33.
B38	Bayaran yang telah dibuat untuk pendapatan tahun 2025 – SENDIRI dan SUAMI / ISTERI bagi taksiran bersama	Potongan Cukai Bulanan (PCB) Masukkan jumlah potongan yang telah dibuat oleh majikan dalam tahun 2025 ke atas pendapatan berikut ke dalam ruang ini: (i) Pendapatan tahun 2025; (ii) Pendapatan penggajian bagi tahun-tahun kebelakangan (termasuk bonus, fi pengarah, tunggakan dan lain-lain) yang dibayar dalam tahun 2025; dan (iii) Pendapatan penggajian tahun lain yang dibayar secara pendahuluan dalam tahun 2025. Contoh: Gaji bulan Januari 2026 dibayar pada bulan Disember 2025 dan PCB dibayar pada atau sebelum 15 Januari 2026. Seksyen 107D Masukkan jumlah potongan cukai 2% yang telah dibuat oleh syarikat pembayar atas setiap bayaran tunai yang dibuat kepada ejen, pengedar atau pengagih dalam tahun 2025 ke dalam ruang ini. Rujuk Portal Rasmi LHDNM, http://www.hasil.gov.my > Perundangan > Bajet > 2022 > Soalan Lazim Berkaitan Potongan Cukai 2% Terhadap Pembayaran Oleh Syarikat Pembayar kepada Ejen, Pengedar atau Pengagih. Rujuk Kenyataan Media bertarikh 27 Jun 2023 di Portal Rasmi LHDNM, https://www.hasil.gov.my/kenyataan-media/ Bayaran sendiri / Ansuran CP500 Masukkan jumlah bayaran sendiri / ansuran CP500 (Notis Bayaran Ansuran Di Bawah Seksyen 107B Akta Cukai Pendapatan 1967) yang telah dibuat oleh pembayar cukai bagi tahun taksiran 2025 sahaja ke dalam ruang ini. Bayaran tunggakan cukai bagi tahun taksiran ke belakang tidak diambilkira bagi mengisi ruangan ini. Guna Helaian Kerja HK-10 untuk membuat pengiraan. Pindahkan amaun E dari Helaian Kerja HK-10 ke ruang ini. Bagi Taksiran Bersama - Jumlahkan bayaran PCB atau bayaran sendiri / ansuran CP500 yang telah dibayar oleh suami / isteri dan masukkan ke dalam ruang ini.
B39	Baki cukai kena dibayar	B36 tolak B38. Jelaskan baki ini dalam tempoh yang ditetapkan. (i) LHDNM telah beralih kepada penggunaan nombor bil sebagai nombor rujukan mandatori bagi pembayaran cukai / baki cukai. Nombor bil boleh diperolehi melalui kaedah berikut: (a) Slip pengesahan penerimaan e-Borang bagi pengemukaan secara e-Filing. (b) Paparan Bil Cukai dan Slip Bayaran atau imbas kod QR pada slip bayaran di portal MyTax di https://mytax.hasil.gov.my > <i>Perkhidmatan ezHasil</i> > <i>e-Billing</i> (c) Cetakan di notis taksiran dan surat tuntutan bayaran daripada LHDNM.

		(ii) Bayaran menggunakan nombor bil boleh dilakukan seperti berikut: (a) Perkhidmatan ByrHASiL dipautan https://byrhasil.hasil.gov.my/ (b) Menggunakan nombor Virtual Account (VA) janaan sistem e-TT dipautan https://ett.hasil.gov.my (c) Bank komersial yang dilantik LHDNM - Rujuk di https://www.hasil.gov.my (d) Menggunakan kad kredit / kad debit di kaunter Pusat Pengurusan Terimaan Hasil Kuala Lumpur. Perkhidmatan ini hanya melibatkan kad kredit / kad debit yang dikeluarkan di Malaysia sahaja. (e) Kaunter Pos Malaysia Berhad (iii) Pastikan nombor bil yang digunakan adalah tepat seperti ditetapkan.
	Cukai terlebih bayar	B38 tolak B36. Tandakan 'X' dalam kotak yang disediakan jika cukai terlebih bayar.
BAHAGIAN C:		MAKLUMAT SUAMI / ISTERI
C1 – C4	Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Sekiranya mempunyai lebih daripada seorang isteri, sila berikan maklumat isteri-isteri yang lain di lampiran tambahan mengikut format C1 hingga C4 dan kemukakan bersama Borang B.	
BAHAGIAN D:		MAKLUMAT LAIN
D1	No. telefon	Nombor telefon pejabat / firma ejen cukai / rumah. Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini akan digunakan untuk tujuan rasmi LHDNM.
	No. telefon bimbit	Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi LHDNM sahaja.
D2	E-mel	Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi LHDNM sahaja. Nota: Maklumat e-mel (D2) adalah wajib diisi semasa pengemukaan secara e-Filing.
D3	TIN majikan	Isikan nombor rujukan E majikan yang terkini, dan isi juga ruangan D4
D4	Cukai ditanggung oleh majikan	Cukai pendapatan pekerja yang ditanggung oleh majikannya merupakan manfaat yang tergolong dalam definisi perkuisit (elaun cukai) dan adalah sebahagian daripada pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Rujuk Ketetapan Umum No. No. 3/2024. Isikan '1' untuk 'Ya' sekiranya cukai ditanggung oleh majikan atau '2' untuk 'Tidak' jika cukai tidak ditanggung oleh majikan.
D5	Mempunyai akaun kewangan di institusi kewangan di luar negara	Isikan '1' jika mempunyai "akaun kewangan" di institusi kewangan di luar Malaysia atau '2' jika tidak ada / tidak berkenaan. Rujuk maklumat di bawah sebelum membuat pilihan: Pengisytiharan ini bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang percukaian Malaysia, selaras dengan komitmen Malaysia terhadap Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan dengan Negara-negara Pejanji. Di bawah komitmen tersebut, Malaysia akan menerima maklumat berkenaan akaun kewangan yang disimpan

		di luar negara oleh pemastautin cukai Malaysia. Walau bagaimanapun, status mempunyai akaun kewangan di luar negara bukanlah petunjuk bahawa berlakunya ketidakpatuhan cukai. "Akaun Kewangan" merujuk kepada akaun kewangan yang disenggara oleh institusi kewangan di luar Malaysia yang merangkumi: (i) Akaun Depositori • Akaun simpanan, akaun semasa dan akaun deposit lain. (ii) Akaun Jagaan (<i>Custodial</i>) • Akaun (selain daripada Kontrak Insurans atau Kontrak Anuiti) untuk manfaat orang lain yang memegang sebarang instrumen kewangan atau kontrak untuk pelaburan. (iii) Kontrak Insurans Nilai Tunai • Kontrak Insurans Nilai Tunai ialah satu kontrak insurans yang mana pemegang polisi berhak menerima pembayaran semasa penyerahan atau penamatan kontrak. Kontrak insurans juga akan menjadi Kontrak Insurans Nilai Tunai apabila pemegang polisi boleh meminjam di bawah kontrak tersebut. Ia adalah produk pelaburan yang mempunyai unsur insurans hayat di dalamnya. Elemen insurans hayat biasanya kecil berbanding dengan elemen pelaburan. (iv) Kontrak Anuiti • Kontrak di mana pihak yang menawarkannya bersetuju untuk membuat pembayaran untuk jangka masa yang ditentukan secara keseluruhan atau sebahagian dengan merujuk kepada jangka hayat satu atau lebih individu; atau • Kontrak yang mana dianggap sebagai kontrak anuiti di bawah undang-undang, peraturan atau praktis di Malaysia di mana kontrak itu dibuat dan pihak yang menawarkan bersetuju untuk membuat pembayaran dalam satu jangkamasa tertentu. (v) Kepentingan Ekuiti dan Hutang dalam Entiti Pelaburan Maklumat lebih lanjut berhubung Pertukaran Maklumat Akaun Kewangan Automatik dengan Negara Pejanji boleh didapati di Portal Rasmi LHDNM, https://www.hasil.gov.my> Antarabangsa> Pertukaran Maklumat Automatik (AEOI)> Standard Pelaporan Bersama (CRS).
D6a	Menjalankan perniagaan e-Dagang	Isi '1' untuk 'Ya' jika seseorang individu menjalankan perniagaan e-Dagang. Jika 'Ya', isi juga ruang D6b. Isi '2' untuk 'Tidak' jika individu berkenaan tidak menjalankan perniagaan e-Dagang atau tidak berkenaan. Seseorang individu atau perniagaan di anggap menjalankan perniagaan e-Dagang sekiranya operasi perniagaan termasuk di dalam model perniagaan e-Dagang seperti di D6b. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk <i>Guidelines On Taxation Of Electronic Commerce Transactions</i> bertarikh 13 Mei 2019 yang terdapat di Portal Rasmi LHDNM, https://www.hasil.gov.my
D6b	Model perniagaan e-Dagang	Pilih model perniagaan e-Dagang yang dijalankan. Pilihan boleh ditandakan lebih dari satu sekiranya menjalankan model perniagaan yang pelbagai dalam tahun taksiran.

		Model Perniagaan e-Dagang	Keterangan	Contoh
		1. Jualan / perkhidmatan dalam talian	Transaksi jualan yang dilakukan secara atas talian ke atas barang atau perkhidmatan memenuhi kriteria seperti berikut : a. Menggunakan rangkaian elektronik / internet bagi tujuan membuat dan menerima pesanan; b. Bayaran dan penghantaran barangan atau perkhidmatan boleh dilakukan secara <i>online</i> atau <i>offline</i>.	a. Perniagaan yang menggunakan : i. Media sosial seperti Instagram, Facebook, Whatsapp, Telegram, Tiktok dan seumpamanya; ii. Platform e-Dagang seperti Lazada, Shopee, Zalora, e-Bay, dan seumpamanya; iii. Laman web / sesawang e-Dagang; iv. Lain-lain medium yang tidak dinyatakan di atas. b. Penyedia perkhidmatan / konsultasi secara atas talian seperti pembelajaran atas talian, konsultasi kesihatan serta gaya hidup, perkhidmatan ebook dan lain-lain. Contoh seperti www.doctoroncall.com.my
		2. Pengiklanan dalam talian	Menggunakan internet sebagai medium pengiklanan bagi mempromosikan produk atau perkhidmatan kepada pelanggan.	a. Penyedia paparan iklan dan <i>search engine ads</i> seperti Google AdSense, Facebook Ads, Blog, Instagram Ads, TikTok For Business dan seumpamanya. b. Pengguna yang menjana pendapatan secara atas talian menerusi Youtube, TikTok, Facebook, Instagram paid review, permainan atas talian dan lain-lain. c. Pengguna yang menjana pendapatan <i>Affiliate Marketing</i> secara atas talian menerusi program Sephora Affiliate, program Shopee Affiliate, program TikTok Affiliate dan lain-lain.

		3. Pengkomputeran awan	Penyediaan perkhidmatan komputer berasaskan internet yang standard, boleh dikonfigurasi dan berdasarkan permintaan. Ia merangkumi pengkomputeran, penyimpanan, perisian, dan pengurusan data dengan menggunakan sumber fizikal dan maya secara bersama (rangkaian, pelayan, dan perisian). Perkhidmatan ini boleh dicapai menerusi penggunaan pelbagai jenis peranti (komputer, peranti mudah alih) dan dari mana sahaja dengan syarat terdapatnya capaian internet.	a. <i>Infrastructure-as-a-service</i> Contoh seperti Amazon Web Services, Windows Azure, Google Compute Engine, Rackspace Open Cloud IBM SmartCloud Enterprise dan seumpamanya. b. <i>Platform-as-a-service</i> Contoh seperti Window Azure, Google App Engine, Force.com dan seumpamanya. c. <i>Content-as-a-service</i> Contoh seperti Spotify, Netflix dan seumpamanya. d. <i>Data-as-a-service</i> Contoh seperti BrightPlanet DaaS Platform, ATTOM Daas Platform, Third Eye Data, ScaleFocus, ScienceSoft dan seumpamanya. e. <i>Software-as-a-service</i> Contoh seperti Microsoft 365, Google Workspace, Adobe Creative Cloud dan seumpamanya.
		4. Perkhidmatan pembayaran	Penyedia perkhidmatan pembayaran secara atas talian yang melibatkan urusniaga atas talian oleh pembeli dan penjual	Penyedia platform pembayaran secara atas talian seperti Fiuu, Ipay88, Boost, TnGo e-wallet, Atome, SPayLater dan seumpamanya.
		5. Mata wang digital / token digital	Menjual, membeli atau melombong wang atau token digital.	Matawang atau token digital seperti Bitcoin, Ripple, Ethereum dan seumpamanya.
		6. E-Hailing / P-Hailing	a. Penyedia aplikasi pengantaran e-Hailing dan p-Hailing <i>app stores / playstores / website</i> yang membolehkan pengguna melanggan, membuat pesanan, menempah atau	a. Menyediakan aplikasi langganan, pesanan, tempahan atau jana pendapatan bagi aktiviti e-hailing dan p-hailing seperti Grab, Maxim, Airasia Ride, Foodpanda, Lalamove, Bungkusit, Beep, TheLorry dan seumpamanya.

		menjana pendapatan secara atas talian. b. Pengguna yang menjalankan aktiviti e-Dagang melalui <i>app stores / playstores / website</i> bagi menjana pendapatan secara atas talian seperti pemandu / penunggang e-hailing dan p-hailing. E-hailing merujuk pada proses menempah atau memesan kereta, teksi, limosin atau pengangkutan awam lain melalui komputer atau peranti bergerak. P-hailing adalah perkhidmatan penghantaran makanan, minuman dan barangan dengan menggunakan kenderaan.	b. Jana pendapatan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi perkhidmatan bagi aktiviti e-hailing dan p-hailing seperti Grab, Maxim, Airasia Ride, Foodpanda, Lalamove, InDrive, Beep, TheLorry dan seumpamanya.
		7. Lain-lain	Lain-lain bermaksud model perniagaan yang tiada dalam senarai di atas
D7	Alamat premis perniagaan	Alamat di mana perniagaan utama dijalankan.	
D8	Alamat surat menyurat	Alamat yang digunakan untuk berurusan dengan LHDNM.	
D9	Kaedah bayaran balik lebihan cukai	Isikan '1' untuk bayaran melalui akaun bank, dan isi juga ruang D10 atau isi '2' untuk bayaran melalui DuitNow, dan isi juga ruang D11.	
D10	Maklumat akaun bank	Jika D9 = 1, isikan maklumat nama bank (D10a) dan nombor akaun bank (D10b) bagi tujuan bayaran balik cukai pendapatan. Pastikan akaun bank yang diberikan adalah aktif dan didaftarkan atas nama sendiri bagi mengelakkan masalah/isu pembayaran.	
D11	Maklumat DuitNow	Jika D9 = 2, bayaran balik lebihan cukai akan dibuat menggunakan ID DuitNow yang didaftarkan di bank pilihan. "DuitNow" adalah perkhidmatan yang membolehkan pemindahan wang serta-merta dengan menggunakan ID DuitNow penerima. Bagi tujuan bayaran balik melalui DuitNow, pendaftaran DuitNow individu dengan bank pilihan hendaklah menggunakan nombor kad pengenalan atau passport. Pastikan nombor kad pengenalan yang didaftarkan adalah sama dengan nombor kad pengenalan di dalam rekod LHDNM seperti ruang 3 Maklumat Asas.	
D11a	Jenis pengenalan	Isikan '1' untuk 'Kad Pengenalan' atau '2' untuk 'Pasport' bagi jenis pengenalan yang didaftarkan dengan bank.	

D11b	No. Pasport	Isikan nombor pasport jika D11a adalah '2'.
D12a	Melupuskan aset di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976	Merujuk kepada aset yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Isikan '1' untuk 'Ya' sekiranya ada melupuskan aset, dan isi juga ruang D12b. Isi '2' untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan.
D12b	Melaporkan pelupusan tersebut kepada LHDNM	Isikan '1' ('Ya') jika telah melaporkan pelupusan berkenaan kepada LHDNM atau '2' ('Tidak') jika belum. Sekiranya belum dilaporkan, sila hubungi cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pelupus. Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Rasmi LHDNM, https://www.hasil.gov.my .
BAHAGIAN E:		PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN DAN PERKONGSIAN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA
Mulai 1 Januari 2022, semua jenis pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin tertakluk kepada cukai. Rujuk Garis Panduan Layanan Cukai Berhubung Pendapatan Yang Diterima Dari Luar Negara (Pindaan) [LHDNM.AG.600-1/7/3]. Pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia yang telah dikenakan cukai sama ada secara pengenaan cukai pegangan atau cukai pendapatan di luar Malaysia boleh menuntut kredit cukai dua belah pihak atau sebelah pihak di bawah peruntukan seksyen 132 dan 133 ACP 1967. Pemastautin yang menuntut kredit cukai mesti menyimpan bukti bahawa cukai luar negara telah dikenakan ke atas pendapatan tersebut untuk rujukan / semakan sekiranya diperlukan kelak Ruang ini perlu diisi oleh individu pemastautin yang menerima pendapatan perniagaan dan / atau perkongsian dari punca luar Malaysia di Malaysia.		
Pengenalan Perniagaan dan Perkongsian		Sekiranya mempunyai lebih daripada satu (1) perniagaan / perkongsian, sila jumlahkan dan masukkan pendapatan berkanun perniagaan 2 / perkongsian 2 dan seterusnya ke ruang 'Perniagaan 2 + Perkongsian 2 dan seterusnya'. Bagi 'Perniagaan 2 + Perkongsian 2 dan seterusnya', sila senaraikan secara berasingan mengikut format Perniagaan 1 / Perkongsian 1, dan simpan untuk rujukan / semakan sekiranya diperlukan kelak.
Kod Perniagaan		Dapatkan kod perniagaan untuk perniagaan berkenaan daripada Lampiran G. Isikan kod perniagaan mengikut jenis perniagaan yang dijalankan di luar Malaysia.
Negara		Sila rujuk kepada Lampiran E untuk menentukan kod negara.
Jumlah Cukai Dikenakan Di Negara Asal		Isi jumlah cukai yang telah dikenakan di negara asal di mana pendapatan tersebut terbit. Individu pemastautin hendaklah menyimpan dokumen berkait pendapatan, notis taksiran atau lain-lain dokumen yang menunjukkan pendapatan tersebut telah dikenakan cukai di luar negara. Cukai asing untuk tujuan pelepasan kredit cukai (sebelah atau dua belah pihak) adalah cukai yang dikenakan ke atas suatu pendapatan oleh negara di mana pendapatan itu terbit atau diperoleh yang berkaitan dengan bahagian pendapatan yang diremitkan ke Malaysia Gunakan kadar pertukaran wang asing pada tarikh peremitan pendapatan dilakukan bagi mengisi ruangan ini
Pendapatan Berkanun		Tentukan amaun pendapatan berkanun dari punca pendapatan perniagaan / perkongsian luar Malaysia yang diremitkan ke Malaysia. Gunakan kadar pertukaran wang asing pada tarikh peremitan pendapatan dilakukan bagi mengisi ruangan ini

BAHAGIAN F:		PENDAPATAN BERKANUN LAIN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA	
Mulai 1 Januari 2022, semua jenis pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin tertakluk kepada cukai. Rujuk Garis Panduan Layanan Cukai Berhubung Pendapatan Yang Diterima Dari Luar Negara (Pindaan) [LHDNM.AG.600-1/7/3]. Pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia yang telah dikenakan cukai sama ada secara pengenaan cukai pegangan atau cukai pendapatan di luar Malaysia boleh menuntut kredit cukai dua belah pihak atau sebelah pihak di bawah peruntukan seksyen 132 dan 133 ACP 1967. Pemastautin yang menuntut kredit cukai mesti menyimpan bukti bahawa cukai luar negara telah dikenakan ke atas pendapatan tersebut untuk rujukan / semakan sekiranya diperlukan kelak. Ruang ini perlu diisi oleh individu pemastautin yang menerima pendapatan berkanun lain punca luar Malaysia di Malaysia termasuk penggajian, dividen, faedah, diskaun, sewa, royalti, premium dan pendapatan lain.			
Negara		Sila rujuk kepada Lampiran E untuk menentukan kod negara.	
Jenis pendapatan		a) Penggajian e) Sewa b) Dividen f) Royalti c) Faedah g) Premium d) Diskaun h) Pendapatan lain	
Jumlah Cukai Dikenakan Di Negara Asal		Isi jumlah cukai yang telah dikenakan di negara asal di mana pendapatan tersebut terbit. Individu pemastautin hendaklah menyimpan dokumen berkaitan pendapatan, notis taksiran atau dokumen-dokumen lain yang menunjukkan pendapatan tersebut telah dikenakan cukai di luar negara. Cukai asing untuk tujuan pelepasan kredit cukai (sebelah atau dua belah pihak) adalah cukai yang dikenakan ke atas suatu pendapatan oleh negara di mana pendapatan itu terbit atau diperoleh yang berkaitan dengan bahagian pendapatan yang diremitkan ke Malaysia. Gunakan kadar pertukaran wang asing pada tarikh peremitan pendapatan dilakukan bagi mengisi ruangan ini	
Pendapatan Berkanun		Tentukan amaun pendapatan berkanun lain punca luar Malaysia yang diremitkan ke Malaysia. Gunakan kadar pertukaran wang asing pada tarikh peremitan pendapatan dilakukan bagi mengisi ruangan ini	
BAHAGIAN G:		DERMA / HADIAH / SUMBANGAN	
Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa tempatan Subseksyen 44(6) ACP 1967.			
Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Subseksyen 44(6) dan proviso, ACP 1967. Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan Subseksyen 44(11B) dan proviso, ACP 1967. Hadiah wang atau kos sumbangan barangan kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan Subseksyen 44(11C) dan proviso, ACP 1967.			Terhad kepada 10% daripada B12

Hadiah wang dalam bentuk wakaf kepada pihak berkuasa agama / badan agama / universiti awam atau hadiah wang dalam bentuk endowmen kepada universiti awam Hadiah wang dalam bentuk:- (i) wakaf kepada mana-mana pihak berkuasa agama bersesuaian yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai itu atau universiti awam yang dibenarkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai itu untuk menerima wakaf; atau (ii) endowmen kepada universiti awam. Wakaf atau endowmen hendaklah disumbang bagi tujuan mencapai objektif penubuhan pihak berkuasa agama yang sesuai, badan atau universiti awam. Subseksyen 44(11D), ACP 1967.	Terhad kepada 10% daripada B12
Hadiah artifak / manuskrip / lukisan kepada Kerajaan atau Kerajaan Negeri Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Jabatan Muzium Malaysia atau Jabatan Arkib Negara. Subseksyen 44(6A) ACP 1967. Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan Hadiah wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam serta perpustakaan sekolah dan institusi pendidikan tinggi dengan syarat, tuntutan bagi perbelanjaan yang sama tidak dibuat di bawah perenggan 34(6)(g) ACP 1967 dalam mengira pendapatan larasan perniagaan. Subseksyen 44(8) ACP 1967. Hadiah wang atau sumbangan barangan bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang yang kurang upaya Hadiah wang atau sumbangan dalam bentuk barangan bagi memperuntukkan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang yang kurang upaya berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Subseksyen 44(9) ACP 1967. Hadiah wang / kos / nilai hadiah peralatan perubatan kepada kemudahan jagaan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Hadiah wang atau sumbangan peralatan perubatan (kos atau nilainya disahkan oleh Kementerian Kesihatan) tidak melebihi RM20,000 kepada pusat kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Subseksyen 44(10) ACP 1967. Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri Hadiah lukisan berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri. Subseksyen 44(11) ACP 1967.	
BAHAGIAN H:	PELEPASAN
Resit dan dokumen sokongan hendaklah disimpan selama tempoh tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada LHDNM, untuk tujuan rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak. Rujukan: Pencukaian Individu Bermastautin • Bahagian I - Hadiah Atau Sumbangan Dan Potongan Yang Dibenarkan (Ketetapan Umum No. 7/2025) • Bahagian II - Pengiraan Jumlah Pendapatan Dan Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai (Ketetapan Umum No. 5/2022); dan • Bahagian III - Pengiraan Cukai Pendapatan Dan Cukai Kena Bayar (Ketetapan Umum No. 3/2023)	

H1	Individu dan saudara tanggungan	Pelepasan diri berjumlah RM9,000 untuk diri sendiri dan saudara tanggungan diberi secara automatik. Perenggan 46(1)(a) ACP 1967.
H2	Perbelanjaan untuk ibu bapa atau datuk nenek	Perbelanjaan rawatan perubatan, rawatan pergigian, pemeriksaan perubatan penuh, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa atau datuk nenek dibenarkan sebagai potongan sehingga RM8,000. Potongan bagi perbelanjaan pemeriksaan perubatan penuh termasuk pemvaksinan dibenarkan sehingga RM1,000. Ibu bapa merujuk kepada ibu bapa kandung atau ibu bapa angkat jika individu itu adalah seorang anak angkat. Datuk dan nenek merujuk kepada ibu bapa kepada ibu bapa individu. Ibu bapa atau datuk nenek hendaklah bermastautin di Malaysia. Perbelanjaan yang layak untuk tuntutan potongan adalah: (i) Rawatan perubatan, pemeriksaan perubatan penuh atau keperluan khas - mesti disokong oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa atau datuk nenek memerlukan rawatan perubatan, pemeriksaan perubatan penuh atau keperluan khas dan disokong dengan resit rasmi. Rawatan perubatan dan pemeriksaan perubatan penuh hendaklah disediakan di Malaysia. Rawatan perubatan penuh adalah termasuk pemvaksinan. (ii) Penjaga - mesti disokong oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa atau datuk nenek memerlukan perkhidmatan penjagaan. Bagi penjaga, mestilah dibuktikan dengan resit atau perakuan bertulis oleh penjaga atau salinan permit kerja penjaga. 'Penjaga' tidak termasuk individu, suami / isteri atau anak individu berkenaan. Perkhidmatan penjagaan hendaklah disediakan di Malaysia. (iii) Rawatan pergigian - mesti disokong oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa atau datuk nenek memerlukan rawatan pergigian dan disokong dengan resit rasmi. Rawatan pergigian hendaklah disediakan di Malaysia. Perenggan 46(1)(c) ACP 1967.
H3	Peralatan sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya	Perbelanjaan membeli peralatan sokongan asas yang diperlukan dibenarkan potongan sehingga RM6,000 untuk kegunaan: (i) diri sendiri, jika dia kurang upaya; atau (ii) pasangannya, jika pasangan kurang upaya; atau (iii) anak, jika anak kurang upaya; atau (iv) ibu bapa, jika ibu bapa kurang upaya. Potongan ini TIDAK dibenarkan jika peralatan sokongan asas dibeli untuk individu kurang upaya yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai orang kurang upaya. Alat sokongan asas termasuk mesin hemodialisis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi TIDAK termasuk cermin mata dan kanta lekap. Perenggan 46(1)(d) ACP 1967.
H4	Individu yang kurang upaya	Potongan tambahan sebanyak RM7,000 dibenarkan sekiranya individu itu kurang upaya.

		Individu layak menuntut pelepasan ini sekiranya beliau telah disahkan secara bertulis oleh JKM sebagai seorang yang kurang upaya. Perenggan 46(1)(e) ACP 1967.
H5	Yuran pengajian (Sendiri)	Potongan sehingga RM7,000 boleh dituntut ke atas yuran yang dibelanjakan bagi mengikuti kursus pengajian berikut:- (i) Selain ijazah di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah Sebarang kursus pengajian sehingga peringkat tertiar bagi tujuan memperoleh kemahiran atau kelayakan dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi di mana-mana institusi tempatan atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri Kewangan. (ii) Ijazah di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah Sebarang kursus pengajian bagi tujuan memperoleh kemahiran atau kelayakan di mana-mana institusi tempatan atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri Kewangan Sila rujuk senarai institusi tempatan atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf di laman rasmi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di www.mohe.gov.my bagi potongan untuk H5(i) dan H5(ii) (iii) Kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan diri Potongan sehingga RM2,000 dibenarkan ke atas apa-apa bidang kemahiran yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]. Pelepasan dibenarkan bagi Tahun Taksiran 2024 hingga 2026. Perenggan 46(1)(f) ACP 1967.
H6	Perbelanjaan perubatan bagi:	
H6(i)	Penyakit serius ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak	Perbelanjaan perubatan bagi penyakit serius termasuk rawatan dibuat ke atas penyakit seperti sindrom Kurang Daya Ketahanan (AIDS), sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia dan lain-lain penyakit yang serupa. 'Lain-lain penyakit yang serupa' termasuk serangan jantung, <i>pulmonari hypertension</i>, penyakit hati kronik, <i>fulminant viral hepatitis</i>, trauma kepala dengan defisit neurologikal, ketumbuhan otak dan kecacatan kepada pembuluh darah, melepuh dan melecur yang keterlaluan, pemindahan organ utama dan pembedahan kaki dan / atau tangan. Potongan sehingga RM10,000 dibenarkan ke atas amaun yang dibelanjakan untuk rawatan ke atas diri sendiri, pasangan atau anak. Resit perbelanjaan rawatan dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan oleh LHDNM, apabila diperlukan kelak. Perenggan 46(1)(g)(i) ACP 1967.
		Jumlah potongan untuk H6(i), H6(ii), H6(iii), H6(iv), H7 dan H8 adalah terhadap kepada RM10,000

H6(ii)	Rawatan kesuburan ke atas diri sendiri atau suami / isteri	Perbelanjaan untuk rawatan kesuburan merangkumi rawatan <i>Intrauterine Insemination</i> (IUI), <i>In vitro fertilization</i> (IVF) dan lain-lain jenis rawatan kesuburan yang diperakui termasuk kos konsultasi dan ubat-ubatan ke atas diri sendiri atau pasangan. Syarat tuntutan adalah: (i) tuntutan mestilah dibuktikan melalui resit dan pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) bahawa individu atau pasangannya telah diberikan rawatan kesuburan tersebut; dan (ii) individu telah berkahwin. Potongan sehingga RM10,000 dibenarkan ke atas amaun yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan untuk menjalani rawatan kesuburan bagi mendapatkan zuriat bagi diri sendiri atau pasangan. Resit perbelanjaan rawatan dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan MPM hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan oleh LHDNM, apabila diperlukan kelak. Jika suami atau isteri memilih Taksiran Bersama, potongan yang dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan akan disifatkan dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya terhad kepada RM10,000. Perenggan 46(1)(g)(ii) ACP 1967.	Jumlah potongan untuk H6(i), H6(ii), H6(iii), H6(iv), H7 dan H8 adalah terhad kepada RM10,000
H6(iii)	Pemvaksinan ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak	Perbelanjaan pemvaksinan meliputi suntikan vaksin berikut: (i) <i>Pneumococcal</i>; (ii) <i>Human papillomavirus</i> (HPV); (iii) <i>Influenza</i>; (iv) <i>Rotavirus</i>; (v) <i>Varicella</i>; (vi) <i>Meningococcal</i>; (vii) Kombinasi <i>tetanus-diphtheria-acellular-pertussis</i> (Tdap); dan (viii) <i>Coronavirus Disease 2019</i> (COVID-19) Potongan sehingga RM1,000 dibenarkan ke atas amaun yang dibelanjakan untuk pemvaksinan ke atas diri sendiri, pasangan atau anak. Perenggan 46(1)(g)(iii) ACP 1967.	
H6(iv)	Pemeriksaan dan rawatan pergigian ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak	Perbelanjaan pemeriksaan dan rawatan pergigian terhad kepada amaun RM1,000. Tuntutan hendaklah dibuktikan dengan resit yang dikeluarkan oleh pengamal pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia dan hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan oleh LHDNM apabila diperlukan kelak. Perenggan 46(1)(g)(iv) ACP 1967	

H7	Perbelanjaan (Terhad 1,000) bagi:			Jumlah potongan untuk H6(i), H6(ii), H6(iii), H6(iv), H7 dan H8 adalah terhad kepada RM10,000
H7(i)	Pemeriksaan perubatan penuh atau fi bayaran ujian pengesanan penyakit ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak	Pemeriksaan perubatan penuh atau fi bayaran ujian pengesanan penyakit seperti ujian darah, ultrasound, mamogram dan pap smear termasuk ujian pengesanan penyakit seperti virus COVID-19 dan influenza. Pemeriksaan hendaklah dijalankan di hospital atau pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan dibuktikan dengan resit yang dikeluarkan oleh hospital atau pengamal perubatan berkenaan. Perenggan 46(1)(h)(i) ACP 1967.	Jumlah potongan untuk H7 adalah terhad kepada RM1,000	
H7(ii)	Pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan sendiri yang didaftarkan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 [Akta 737] ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak	Pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan sendiri seperti oksimeter nadi, mesin pemantau tekanan darah, thermometer termasuk kit pengesanan sendiri bagi virus COVID-19 dan influenza. Pembelian peralatan hendaklah dibuktikan dengan resit dan tidak digunakan bagi tujuan perniagaan individu. Perenggan 46(1)(h)(ii) ACP 1967.		
H7(iii)	Pemeriksaan kesihatan mental atau konsultasi ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak	Pemeriksaan kesihatan mental atau konsultasi hendaklah diperolehi daripada berikut: (i) Pakar psikitari dalam erti seksyen 2 di bawah Akta Kesihatan Mental [Akta 615]; (ii) Ahli psikologi klinikal yang berdaftar di bawah Akta Profesion Kesihatan Besekutu 2016 [Akta 774]; atau (iii) Kaunselor yang berdaftar di bawah Akta Kaunselor [Akta 580]. Perenggan 46(1)(h)(iii) ACP 1967.		
H8	Perbelanjaan (Terhad 6,000) ke atas anak berumur 18 tahun dan ke bawah bagi:			
H8(i)	Penilaian untuk tujuan diagnosis kurang upaya pembelajaran.	Tuntutan hendaklah dibuktikan seperti berikut: (i) Resit yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia bagi pemeriksaan awal untuk tujuan diagnosis;	Jumlah potongan untuk H8 adalah terhad kepada RM6,000	

H8(ii)	Program intervensi awal atau rawatan pemulihan kurang upaya pembelajaran.	(ii) Resit yang dikeluarkan oleh pengamal kesihatan bersekutu yang berdaftar dengan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 bagi program intervensi awal atau rawatan pemulihan; (iii) Perbelanjaan yang layak sebagai potongan bagi (i) dan (ii) adalah bagi kategori berikut: (a) <i>Autisme Spectrum Disorder</i>; (b) <i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)</i>; (c) <i>Global Developmental Delay (GDD)</i>; (d) <i>Intellectual Disability</i>; (e) <i>Down Syndrom</i>; dan (f) <i>Specific Learning Disabilities</i>. (iv) Penilaian untuk tujuan diagnosis, program intervensi awal dan rawatan pemulihan hendaklah dijalankan di Malaysia (v) Individu hendaklah merupakan ibu bapa yang mempunyai anak yang disahkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia sebagai kurang upaya pembelajaran dan berumur 18 tahun dan ke bawah Perenggan 46(1)(ha) ACP 1967.	Jumlah potongan untuk H8 adalah terhad kepada RM6,000	Jumlah potongan untuk H6(i), H6(ii), H6(iii), H6(iv), H7 dan H8 adalah terhad kepada RM10,000
H9	Gaya hidup – Perbelanjaan untuk kegunaan / manfaat diri sendiri, suami / isteri atau anak bagi:			
H9(i)	Pembelian atau langganan buku / jurnal / majalah / surat khabar / lain-lain penerbitan seumpamanya	Perbelanjaan bagi pembelian atau langganan buku, jurnal, majalah, surat khabar dan lain-lain penerbitan seumpamanya (dalam bentuk <i>hardcopy</i> atau elektronik tetapi TIDAK termasuk bahan bacaan yang terlarang seperti majalah lucah) untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak dibenarkan sebagai potongan. Subperenggan 46(1)(p)(i) ACP 1967.	Jumlah potongan untuk H9 adalah terhad kepada RM2,500	

H9(ii)	Pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet	Perbelanjaan bagi pembelian komputer peribadi, telefon pintar (<i>smartphone</i>) atau tablet [TIDAK termasuk caj tambahan jaminan (<i>warranty</i>)] untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak, dan BUKAN digunakan untuk tujuan perniagaan . Subperenggan 46(1)(p)(ii) ACP 1967.	Jumlah potongan untuk H9 adalah terhad kepada RM2,500
H9(iii)	Bayaran bil bulanan untuk langganan internet	Bayaran bil bulanan bagi langganan internet yang didaftarkan atas nama individu untuk kegunaan sendiri, pasangan dan anak. Subperenggan 46(1)(p)(iv) ACP 1967.	
H9(iv)	Bayaran yuran bagi apa-apa kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan diri [selain daripada kursus di ruang H5(iii)]	Perbelanjaan bagi yuran kursus peningkatan kemahiran diri atau kemajuan diri selain daripada yang tertakluk di bawah seksyen 46(1)(f)(iii) ACP 1967. Kursus tersebut tidak perlu berdaftar atau diiktiraf oleh mana-mana badan Kerajaan Perbelanjaan memadai dibuktikan dengan resit yang dikeluarkan oleh penyedia kursus. Kursus yang dimaksudkan adalah kursus yang menggalakkan pembayar cukai mempelajari kemahiran yang tidak berkaitan dengan pekerjaan seperti kursus yang berkaitan hobi, keagamaan atau bahasa. Subperenggan 46(1)(p)(iv) ACP 1967.	
H10	Gaya hidup – Pelepasan tambahan untuk kegunaan / manfaat diri sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa (Ibu bapa hendaklah bermastautin di Malaysia) bagi:		
H10(i)	Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997	Perbelanjaan bagi pembelian peralatan sukan bagi apa-apa aktiviti sukan yang disenaraikan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 (TIDAK termasuk basikal roda dua bermotor) untuk kegunaan diri sendiri, pasangan, anak atau ibu bapa dibenarkan sebagai potongan. Subperenggan 46(1)(u)(i) ACP 1967.	Jumlah potongan untuk H10 adalah terhad kepada RM1,000
H10(ii)	Bayaran sewa atau fi kemasukan ke fasiliti sukan	Perbelanjaan bayaran sewaan atau fi kemasukan ke mana-mana fasiliti sukan untuk kegunaan diri sendiri, pasangan, anak atau ibu bapa. Subperenggan 46(1)(u)(ii) ACP 1967.	
H10(iii)	Bayaran fi pendaftaran bagi menyertai pertandingan yang mana penganjur diluluskan dan dilesenkan oleh Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997	Perbelanjaan bayaran fi pendaftaran bagi penyertaan apa-apa pertandingan sukan yang mana penganjur tersebut diluluskan dan dilesenkan oleh Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 untuk kegunaan diri sendiri, pasangan, anak atau ibu bapa. Subperenggan 46(1)(u)(iii) ACP 1967.	

H10(iv)	Bayaran fi keahlian gimnasium atau latihan sukan yang disediakan oleh persatuan / kelab sukan / syarikat yang berdaftar untuk menjalankan aktiviti sukan yang disenarai di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997.	Perbelanjaan bayaran fi keahlian gimnasium atau yuran latihan sukan yang disediakan oleh persatuan atau kelab sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan atau syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] untuk menjalankan aktiviti sukan yang disenarai di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576]. Subperenggan 46(1)(u)(iv) ACP 1967	
H11	Pembelian peralatan penyusuan ibu untuk kegunaan diri sendiri bagi anak berumur 2 tahun dan ke bawah	(a) Potongan ini dibenarkan khusus untuk pembayar cukai wanita, dengan syarat individu: (i) adalah ibu yang menyusukan anak; (ii) telah melakukan perbelanjaan atas pembelian peralatan penyusuan ibu untuk kegunaannya bagi menyusukan anaknya yang berumur 2 tahun dan ke bawah; dan (iii) membuat tuntutan yang disokong dengan resit atas pembelian. (b) Peralatan penyusuan ibu yang layak mendapat potongan adalah: (i) set pam susu dan pek ais (<i>breast pump kit</i> dan <i>ice pack</i>); (ii) bekas pengumpulan dan penyimpanan susu (<i>breast milk collection and storage equipment</i>); serta (iii) set penyejuk atau beg penyejuk (<i>cooler set / cooler bag</i>). (c) Amaun potongan adalah terhad kepada RM1,000 walaupun individu berkenaan mempunyai lebih daripada seorang anak. (d) Potongan hanya dibenarkan SEKALI setiap dua (2) tahun taksiran. (e) Dalam kes Taksiran Bersama, potongan ini hanya dibenarkan sekiranya taksiran dibangkitkan atas nama isteri. Contoh 1: Taksiran Bersama Atas Nama Isteri Puan Arina telah melahirkan anak pada tahun 2025 dan telah membeli peralatan penyusuan ibu berjumlah RM1,700. Suaminya yang bukan pemastautin tetapi warganegara Malaysia telah memilih taksiran bersama atas nama isterinya. Puan Arina layak menuntut potongan ini tetapi terhad kepada RM1,000. Contoh 2: Taksiran Bersama Atas Nama Suami Puan Sally telah melahirkan anak pada tahun 2025 dan telah membeli peralatan penyusuan ibu berjumlah RM1,300. Puan Sally telah memilih taksiran bersama atas nama suaminya. Tuntutan potongan ini TIDAK dibenarkan kerana taksiran dibuat atas atas nama suami Puan Sally. Perenggan 46(1)(q) ACP 1967	

H12	Yuran penghantaran anak berumur 6 tahun dan ke bawah ke taman asuhan kanak-kanak / tadika yang berdaftar	Potongan ini dibenarkan berhubung yuran penghantaran anak yang berumur 6 tahun dan ke bawah ke: (i) taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan tertakluk pada Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; atau (ii) tadika yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan tertakluk pada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Potongan ini terhad kepada RM3,000 walaupun bilangan anak yang memenuhi syarat-syarat tersebut melebihi satu. Sekiranya amaun tuntutan kurang daripada RM3,000, amaun potongan yang dibenarkan adalah terhad kepada amaun yang dibayar sahaja. Sekiranya taksiran suami dan isteri dibuat secara berasingan, potongan cukai di bawah perenggan ini hanya boleh dituntut sama ada oleh suami ATAU isteri yang melakukan perbelanjaan tersebut. Bagi pasangan yang sudah bercerai, potongan cukai ini layak dituntut oleh bekas suami dan bekas isteri dengan syarat kedua-duanya telah membuat pembayaran bagi yuran penjagaan anak dan anak tersebut bukan anak yang sama. Tuntutan potongan dibenarkan bagi Tahun Taksiran 2025 hingga 2027 dan hendaklah disokong dengan – (i) Dokumen kelahiran anak (MyKid atau sijil kelahiran); dan (ii) Resit pembayaran yuran bulanan yang dikeluarkan oleh taman asuhan kanak-kanak atau tadika tersebut. Perenggan 46(1)(r) ACP 1967.
-----	--	---

Contoh 1: Pasangan suami isteri (tinggal bersama)

Senario	Bil. Anak	Perbelanjaan atas anak (RM)		Jenis taksiran	Siapa layak menuntut & amaun (RM)	Catatan
a	1	Suami Isteri	1,600 1,500	Berasingan	Suami – 1,600 ATAU Isteri – 1,500	Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)
b	2	Suami Isteri	3,200 (anak no. 1) 3,400 (anak no. 2)	Berasingan	Suami – 3,000 ATAU Isteri – 3,000	Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun RM3,000)
c	2	Suami	3,500 (anak no. 1 & 2)	Berasingan	Suami – 3,000	Terhad kepada amaun RM3,000
d	3	Suami Isteri	5,200 (anak no. 1 & 2) 3,100 (anak no. 3)	Berasingan	Suami – 3,000 ATAU Isteri – 3,000	Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun RM3,000)
e	2	Suami Isteri	1,900 (anak no. 1) 1,100 (anak no. 2)	Berasingan	Suami – 1,900 ATAU Isteri – 1,100	Hanya seorang layak menuntut berdasarkan amaun perbelanjaan layak atau terhad kepada amaun RM3,000
f	1	Suami Isteri	1,200 1,200	Bersama	Suami – 2,400 ATAU Isteri – 2,400	Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap telah dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)
g	2	Suami Isteri	1,600 (anak no. 1) 1,500 (anak no. 2)	Bersama	Suami – 3,000 ATAU Isteri – 3,000	Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap telah dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya (terhad kepada amaun RM3,000)

Contoh 2: Pasangan bercerai

Senario	Bil. Anak	Perbelanjaan atas anak (RM)		Siapa layak menuntut & amaun (RM)	Catatan
a	1	Bekas suami	1,800	Bekas suami – 1,800	Hanya layak menuntut RM1,800 (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)
b	1	Bekas suami Bekas isteri	3,400 3,200	Bekas suami – 3,000 ATAU Bekas isteri – 3,000	Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun RM3,000)
c	2	Bekas suami Bekas isteri	3,400 (anak no. 1) 3,200 (anak no. 2)	Bekas suami – 3,000 DAN Bekas isteri – 3,000	- Bekas suami menuntut RM3,000 - Bekas isteri menuntut RM3,000 (dengan syarat tuntutan dibuat atas anak yang berlainan)
d	3	Bekas suami Bekas isteri	3,200 (anak no. 1) 1,800 (anak no. 2) & 1,600 (anak no. 3)	Bekas suami – 3,000 DAN Bekas isteri – 3,000	- Bekas suami menuntut RM3,000 - Bekas isteri menuntut RM3,000 (dengan syarat tuntutan dibuat atas anak yang berlainan)

H13	Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)	Pelepasan ini dilanjutkan tempoh berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 sehingga 2027. Simpanan ke dalam tabung SSPN oleh seseorang individu untuk membiayai pelajaran anak-anak dibenarkan sebagai potongan terhad kepada RM8,000 dengan syarat potongan seperti berikut: (i) Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih yang dilakukan di dalam sesuatu tahun sahaja. Contoh 1: Kedudukan akaun tabung SSPN bagi tahun 2025 <table><tr><th>Perkara</th><th>RM</th></tr><tr><td>Baki pada 1.1.2025</td><td>25,500</td></tr><tr><td>Simpanan tahun 2025</td><td>8,500</td></tr><tr><td>Pengeluaran (yuran pendaftaran universiti)*</td><td>(3,000)</td></tr><tr><td>Pengeluaran (kos rawatan isteri)</td><td>(2,000)</td></tr><tr><td>Baki pada 31.12.2025</td><td>29,000</td></tr></table> Potongan yang layak dituntut adalah RM6,500 (RM8,500–RM2,000). Baki pada 1.1.2025 sebanyak RM25,500 tidak diambil kira dalam pengiraan tabungan bersih. (ii) * Pengeluaran daripada tabung SSPN untuk tujuan pembiayaan kos pendidikan anak yang melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar tidak diambil kira dalam mengira tabungan bersih bagi tahun asas tersebut. (iii) Bagi suami atau isteri yang ditaksir secara berasingan bagi suatu tahun taksiran, potongan hanya boleh dituntut sama ada oleh suami atau isteri yang membuat simpanan dalam tabung SSPN. Rujuk Contoh 2. (iv) Had tuntutan maksimum adalah sebanyak RM8,000 walaupun bilangan anak melebihi satu. Perenggan 46(1)(k) ACP 1967.	Perkara	RM	Baki pada 1.1.2025	25,500	Simpanan tahun 2025	8,500	Pengeluaran (yuran pendaftaran universiti)*	(3,000)	Pengeluaran (kos rawatan isteri)	(2,000)	Baki pada 31.12.2025	29,000																								
Perkara	RM																																					
Baki pada 1.1.2025	25,500																																					
Simpanan tahun 2025	8,500																																					
Pengeluaran (yuran pendaftaran universiti)*	(3,000)																																					
Pengeluaran (kos rawatan isteri)	(2,000)																																					
Baki pada 31.12.2025	29,000																																					
Contoh 2: Suami isteri memilih jenis taksiran berasingan atau bersama <table><tr><th>Bil. Anak</th><th colspan="2">Perbelanjaan atas anak (RM)</th><th>Jenis taksiran</th><th>Siapa layak menuntut & amaun (RM)</th><th>Catatan</th></tr><tr><td>1</td><td>Suami Isteri</td><td>5,500 4,000</td><td>Berasingan Berasingan</td><td>Suami – 5,500 ATAU Isteri – 4,000</td><td>Hanya seorang yang layak menuntut (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)</td></tr><tr><td>2</td><td>Suami</td><td>8,500 (anak 1 & 2)</td><td>Berasingan</td><td>Suami – 8,000</td><td>Terhad kepada RM8,000</td></tr><tr><td>3</td><td>Suami Isteri</td><td>8,200 (anak 1 & 2) 8,100 (anak 3)</td><td>Berasingan Berasingan</td><td>Suami – 8,000 ATAU Isteri – 8,000</td><td>Hanya seorang yang layak menuntut (terhad kepada RM8,000)</td></tr><tr><td>2</td><td>Suami Isteri</td><td>5,500 (anak 1) 4,000 (anak 2)</td><td>Berasingan Berasingan</td><td>Suami – 5,500 ATAU Isteri – 4,000</td><td>Hanya seorang yang layak menuntut (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)</td></tr><tr><td>2</td><td>Suami Isteri</td><td>5,500 (anak 1) 2,000 (anak 2)</td><td>Bersama</td><td>Atas nama suami – 7,500 ATAU Atas nama Isteri – 7,500</td><td>Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap telah dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)</td></tr></table>			Bil. Anak	Perbelanjaan atas anak (RM)		Jenis taksiran	Siapa layak menuntut & amaun (RM)	Catatan	1	Suami Isteri	5,500 4,000	Berasingan Berasingan	Suami – 5,500 ATAU Isteri – 4,000	Hanya seorang yang layak menuntut (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)	2	Suami	8,500 (anak 1 & 2)	Berasingan	Suami – 8,000	Terhad kepada RM8,000	3	Suami Isteri	8,200 (anak 1 & 2) 8,100 (anak 3)	Berasingan Berasingan	Suami – 8,000 ATAU Isteri – 8,000	Hanya seorang yang layak menuntut (terhad kepada RM8,000)	2	Suami Isteri	5,500 (anak 1) 4,000 (anak 2)	Berasingan Berasingan	Suami – 5,500 ATAU Isteri – 4,000	Hanya seorang yang layak menuntut (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)	2	Suami Isteri	5,500 (anak 1) 2,000 (anak 2)	Bersama	Atas nama suami – 7,500 ATAU Atas nama Isteri – 7,500	Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap telah dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)
Bil. Anak	Perbelanjaan atas anak (RM)		Jenis taksiran	Siapa layak menuntut & amaun (RM)	Catatan																																	
1	Suami Isteri	5,500 4,000	Berasingan Berasingan	Suami – 5,500 ATAU Isteri – 4,000	Hanya seorang yang layak menuntut (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)																																	
2	Suami	8,500 (anak 1 & 2)	Berasingan	Suami – 8,000	Terhad kepada RM8,000																																	
3	Suami Isteri	8,200 (anak 1 & 2) 8,100 (anak 3)	Berasingan Berasingan	Suami – 8,000 ATAU Isteri – 8,000	Hanya seorang yang layak menuntut (terhad kepada RM8,000)																																	
2	Suami Isteri	5,500 (anak 1) 4,000 (anak 2)	Berasingan Berasingan	Suami – 5,500 ATAU Isteri – 4,000	Hanya seorang yang layak menuntut (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)																																	
2	Suami Isteri	5,500 (anak 1) 2,000 (anak 2)	Bersama	Atas nama suami – 7,500 ATAU Atas nama Isteri – 7,500	Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap telah dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)																																	

	2	Suami Isteri	6,500 (anak 1) 2,000 (anak 2)	Bersama	Atas nama suami – 8,000 ATAU Atas nama Isteri – 8,000	Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap telah dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya (terhad kepada RM8,000)
	1	Suami dan isteri bercerai	10,000 (bekas suami) 5,000 (bekas isteri)	Berasingan	Bekas suami – 8,000 DAN Bekas isteri – 5,000	Kedua-dua layak menuntut berdasarkan amaun yang dibelanjakan (terhad kepada amaun RM8,000)
H14	Suami / isteri / bayaran alimoni kepada bekas isteri		(i) Potongan bagi suami sebanyak RM4,000 diberi kepada isteri jika suami tiada punca pendapatan / tiada jumlah pendapatan; atau suami telah memilih taksiran bersama atas nama isterinya. Potongan ini hanya layak dituntut oleh seorang isteri sahaja walaupun suami mempunyai lebih daripada seorang isteri. Subseksyen 45A(1) ACP 1967. Mulai Tahun Taksiran 2017, potongan bagi suami TIDAK dibenarkan jika suami (bukan suami kurang upaya) menerima pendapatan kasar yang melebihi RM4,000 daripada punca luar Malaysia. Subseksyen 45A(2) ACP 1967. (ii) Potongan bagi isteri sebanyak RM4,000 diberi kepada individu yang mempunyai isteri yang tinggal bersamanya dalam tahun asas, dan isteri tiada punca pendapatan / jumlah pendapatan; atau isteri telah memilih taksiran bersama atas nama suaminya. Perenggan 47(1)(a) dan subseksyen 47(5) ACP 1967. Mulai Tahun Taksiran 2017, potongan bagi isteri TIDAK dibenarkan jika isteri (bukan isteri kurang upaya) menerima pendapatan kasar yang melebihi RM4,000 daripada punca luar Malaysia. Subseksyen 47(6) ACP 1967. (iii) Potongan bagi bayaran alimoni / nafkah kepada bekas isteri adalah terhad kepada RM4,000 atau amaun sebenar yang dibayar jika amaun bayaran alimoni / nafkah kurang daripada potongan yang dibenarkan. Jumlah potongan bagi isteri yang tinggal bersama dan potongan bagi bayaran alimoni / nafkah kepada bekas isteri adalah terhad kepada RM4,000. Bayaran alimoni / nafkah secara sukarela kepada bekas isteri di bawah perjanjian bersama tanpa sebarang perjanjian rasmi tidak layak dituntut sebagai potongan. Subseksyen 47(2) dan 47(3) ACP 1967.			
H15	Suami / isteri yang kurang upaya		Potongan tambahan sebanyak RM6,000 diberi bagi suami / isteri yang kurang upaya. Seksyen 45A dan Perenggan 47(1)(b) ACP 1967			
H16	Anak • Nama • No. pengenalan / passport • Kelayakan 100% • Kelayakan 50%		Rujuk Helaian Kerja HK-17 <u>Nama</u> Masukkan nama anak seperti dokumen pengenalan diri seperti kad pengenalan atau passport.			

		<u>No. pengenalan</u> Masukkan nombor pengenalan berdasarkan dokumen pengenalan diri seperti kad pengenalan atau pasport. Sekiranya tiada, dokumen pengenalan diri negara asal anak boleh dimasukkan. <u>Kelayakan 100%</u> Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya. <u>Kelayakan 50%</u> Ruang ini hanya berkenaan jika dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut 50% daripada pelepasan yang dibenarkan sebagai potongan. Contohnya apabila berlaku perceraian dan terdapat dua atau lebih individu yang layak menuntut potongan ke atas anak yang sama. Bagi Taksiran Berasingan, individu dan suami / isteri perlu memilih pelepasan ke atas setiap anak yang ingin dituntut masing-masing. Contoh: Ali mempunyai lima (5) orang anak dan memilih taksiran berasingan. Bilangan anak yang boleh dituntut oleh Ali dan isteri sebagai pelepasan ialah: <table><tr><th></th><th>Ali</th><th>Isteri</th><th></th><th>Ali</th><th>Isteri</th></tr><tr><td>(i)</td><td>5</td><td>0</td><td>(iv)</td><td>2</td><td>3</td></tr><tr><td>(ii)</td><td>4</td><td>1</td><td>(v)</td><td>1</td><td>4</td></tr><tr><td>(iii)</td><td>3</td><td>2</td><td>(vi)</td><td>0</td><td>5</td></tr></table> Potongan untuk anak adalah tidak dibenarkan sekiranya anak berkenaan menerima jumlah pendapatan yang melebihi potongan yang dibenarkan untuk anak tersebut. Walau bagaimanapun, penerimaan berikut tidak boleh dianggap sebagai pendapatan anak: • Amaun yang diterima sebagai biasiswa, geran atau elaun yang serupa dengannya – perenggan 24 jadual 6 ACP; dan • Pembayaran yang diterima oleh anak yang berkhidmat dengan majikan di bawah suatu ikatan artikel atau indentur. Subseksyen 48(5) ACP 1967		Ali	Isteri		Ali	Isteri	(i)	5	0	(iv)	2	3	(ii)	4	1	(v)	1	4	(iii)	3	2	(vi)	0	5
	Ali	Isteri		Ali	Isteri																					
(i)	5	0	(iv)	2	3																					
(ii)	4	1	(v)	1	4																					
(iii)	3	2	(vi)	0	5																					
H16a	Anak – Di bawah umur 18 tahun	Potongan bagi anak yang belum berkahwin dan berumur di bawah 18 tahun pada bila-bila masa dalam tahun asas adalah sebanyak RM2,000 seorang. Perenggan 48(1)(a) dan 48(2)(a) ACP 1967																								
H16b	Anak – 18 tahun dan ke atas yang masih belajar	(i) Potongan sebanyak RM2,000 seorang dibenarkan jika anak belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas, dan menerima pendidikan sepenuh masa; Perenggan 48(1)(b) & (c) dan 48(2)(a) ACP 1967 ATAU (ii) Pelepasan sebanyak RM8,000 dibenarkan jika anak belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas pada bila-bila masa dalam tahun semasa, serta mematuhi syarat-syarat berikut:																								

		• mengikuti pengajian tinggi sepenuh masa (tidak termasuk kursus matrikulasi / pra ijazah / A-Level) di universiti, kolej atau institut pelajaran lain yang serupa dengannya di Malaysia; atau • berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperoleh kelayakan perdagangan atau profesion di Malaysia; atau • mengikuti pengajian tinggi sepenuh masa di luar Malaysia di peringkat ijazah (termasuk ijazah di peringkat sarjana atau kedoktoran) atau yang setaraf dengannya. Perenggan 48(3)(a) ACP 1967.
H16c	Anak – kurang upaya	(i) Pelepasan anak kurang upaya yang belum berkahwin dibenarkan sebanyak RM8,000. (ii) Pelepasan tambahan sebanyak RM8,000 bagi anak yang kurang upaya yang belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas serta mematuhi syarat-syarat berikut: • mengikuti pengajian tinggi sepenuh masa (tidak termasuk kursus matrikulasi / pra ijazah / A-Level) di universiti, kolej atau institut pelajaran lain yang serupa dengannya di Malaysia; atau • berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperoleh kelayakan perdagangan atau profesion di Malaysia; atau • mengikuti pengajian tinggi sepenuh masa di luar Malaysia di peringkat ijazah (termasuk ijazah di peringkat sarjana atau kedoktoran) atau yang setaraf dengannya. Individu layak mendapat pelepasan anak RM16,000 sekiranya syarat-syarat di atas dipatuhi. Perenggan 48(1)(d), 48(3)(a) dan 48(2)(b) ACP 1967.
H17	Insurans nyawa dan KWSP Helaian Kerja HK-14 boleh digunakan untuk tujuan pengiraan dan rekod. (i) Bayaran premium insurans nyawa atau sumbangan takaful atas polisi insurans nyawa yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri / isteri-isteri atau caruman sukarela tambahan kepada KWSP dibenarkan potongan. * Bayaran premium insurans nyawa atas polisi yang menjamin nyawa anak TIDAK dibenarkan potongan. (ii) Caruman kepada skim yang diluluskan atau caruman sukarela kepada KWSP (selain daripada skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Contoh skim yang diluluskan ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). (iii) Caruman secara sukarela yang dibenarkan sebagai potongan adalah kepada semua pembayar cukai seperti berikut: (a) Orang yang berkerja sendiri sepertimana ditakrifkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta452); (b) Pegawai berpencen dalam erti seksyen 2 Akta Pencen 1980 (Akta 227); dan (c) Pekerja selain (a) dan (b) di atas.	

(iv) Potongan yang dibenarkan mulai Tahun Taksiran 2023:

Bil.	Jenis Caruman	Jumlah pelepasan
i.	Bayaran premium insurans nyawa atau sumbangan takaful atau caruman sukarela tambahan kepada KWSP [Perenggan 49(1)(a)]	RM3,000 (Terhad)
ii.	Caruman kepada skim yang diluluskan atau caruman sukarela kepada KWSP (TIDAK termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan duda, balu dan anak yatim di bawah apa-apa skim yang diluluskan [Perenggan 49(1)(b) dan Perenggan 49(1)(c)].	RM4,000 (Terhad)
		RM7,000 (Terhad)

Contoh 1:

Puan Sally merupakan seorang penjawat awam yang telah memilih skim berpencen. Beliau juga telah mencarum dalam KWSP secara sukarela. Dalam tahun 2025 beliau telah membuat caruman kepada KWSP dan bayaran premium insurans hayat seperti berikut:

	Amaun (RM)
Caruman sukarela kepada KWSP untuk diri sendiri	6,000
Bayaran premium insurans hayat diri sendiri	1,800

Bagi tahun taksiran 2025, Puan Sally layak membuat tuntutan pelepasan bagi caruman KWSP sukarela dan bayaran premium insurans seperti berikut:

	Amaun caruman / bayaran (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
Caruman KWSP sukarela [Perenggan 49(1)(b)]	4,000	4,000 (terhad)
Caruman tambahan KWSP sukarela [Perenggan 49(1)(a)]	2,000	1,200 (terhad) atau 2,000
Bayaran premium insurans hayat [Perenggan 49(1)(a)]	1,800	1,800 atau 1,000 (terhad)
JUMLAH:	7,800	7,000 (terhad)

Contoh 2:

Encik Manaf berkerja dengan sebuah syarikat swasta. Pada tahun 2025, beliau membuat caruman kepada KWSP dan sumbangan takaful keluarga seperti berikut:

	Amaun (RM)
Caruman wajib kepada KWSP	36,000
Caruman sukarela kepada KWSP	6,000
Sumbangan takaful keluarga	3,600

Amaun yang layak dituntut sebagai pelepasan cukai bagi tahun taksiran 2025 adalah seperti berikut:

	Amaun caruman / bayaran (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
Caruman wajib kepada KWSP [Perenggan 49(1)(b)]	36,000	4,000 (terhad)
Sumbangan takaful keluarga [Perenggan 49(1)(a)]	3,600	3,000 (terhad)
Caruman sukarela kepada KWSP [Perenggan 49(1)(a)]	6,000	Tidak layak
JUMLAH:	45,600	7,000 (terhad)

Contoh 3:

Puan Charlene adalah seorang konsultan bebas yang membuat caruman KWSP secara sukarela. Bagi tahun 2025 jumlah caruman beliau adalah RM12,000. Beliau tidak membuat sebarang bayaran premium insurans hayat.

Bagi tahun taksiran 2025, Puan Charlene layak menuntut RM7,000 atas caruman sukarela kepada KWSP sebagaimana diperuntukkan seperti berikut:

	Amaun caruman / bayaran (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
Caruman sukarela kepada KWSP [Perenggan 49(1)(b)]	12,000	4,000 (terhad)
Caruman sukarela tambahan kepada KWSP [Perenggan 49(1)(a)]		3,000 (terhad)
JUMLAH:	12,000	7,000 (terhad)

Contoh 4:

Saiful adalah seorang penjawat awam yang telah memilih skim berpencen. Bagi tahun 2025 beliau telah membuat bayaran premium insurans sebanyak RM10,000. Beliau tidak membuat sebarang caruman kepada KWSP.

	Amaun caruman / bayaran (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
Caruman kepada KWSP [Perenggan 49(1)(b)]	Tiada	Tiada
Bayaran premium insurans hayat [Perenggan 49(1)(a)]	10,000	3,000 (terhad)*
JUMLAH:	10,000	3,000 (terhad)

*Dengan pembatalan perenggan 49(1A)(c) mulai tahun taksiran 2023, penjawat awam skim berpencen hanya layak menuntut pelepasan cukai sebanyak RM3,000 bagi bayaran premium insurans hayat atau sumbangan takaful keluarga di bawah perenggan 49(1)(a).

H18

Skim persaraan swasta dan anuiti tertangguh ('Deferred Annuity')

- (i) Potongan ini berkuat kuasa mulai **Tahun Taksiran 2025 hingga 2030**.
 - (ii) Potongan **tidak melebihi RM3,000** dibenarkan bagi jumlah caruman yang dibuat kepada Skim Persaraan Swasta (SPS) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh.
 - (iii) Jumlah potongan bagi caruman kepada SPS dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh adalah **terhad kepada RM3,000 untuk individu dan RM3,000 untuk pasangan yang mempunyai punca pendapatan**. Jika suami atau isteri memilih **Taksiran Bersama**, potongan yang dibenarkan bagi jumlah caruman kepada SPS dan bayaran premium anuiti tertangguh adalah **terhad kepada RM3,000**.
 - (iv) Rujuk Helaian Kerja HK-14.
 - (v) **Rujukan:** Ketetapan Umum No. 4/2014 (Anuiti Tertangguh); dan Ketetapan Umum No. 9/2021 (Skim Persaraan Swasta).
- Subseksyen 49(1D), 49(1E), 49(3), 50(2) dan 50(3) ACP 1967

H19	Insurans pendidikan dan perubatan untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak	Potongan tidak melebihi RM4,000 bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau manfaat perubatan untuk individu, pasangan atau anak. Polisi pendidikan hendaklah mempunyai kriteria berikut: (i) polisi yang diambil adalah untuk diri sendiri, pasangan atau anak; (ii) benefisiari polisi adalah anak; (iii) jika orang yang diinsuranskan adalah ibu atau bapa, manfaat insurans hendaklah hak milik anak sebagai nomini polisi; (iv) jika orang yang diinsuranskan adalah anak- (a) adalah wajib nyawa orang yang membayar premium (ibu atau bapa) dilindungi (<i>payor benefit rider</i>); (b) jangkamasa <i>rider</i> mestilah sama dengan polisi asas; (c) sekiranya <i>rider</i> dipakej bersama dengan polisi asas dengan hanya satu premium, kesemua premium yang dibayar dibenarkan sebagai potongan; dan (d) sekiranya ibu atau bapa tidak layak untuk <i>payor benefit rider</i>, premium yang dibayar untuk polisi asas tidak layak mendapat potongan; (v) untuk polisi takaful, peserta adalah ibu atau bapa dan manfaat polisi mestilah dihibahkan kepada anak; (vi) jumlah matang untuk polisi konvensional dan polisi takaful mestilah dijadualkan untuk bayaran semasa umur anak di antara 13 dan 25 tahun. Polisi perubatan hendaklah mempunyai kriteria berikut: (i) perbelanjaan mestilah berkaitan dengan rawatan perubatan yang disebabkan oleh penyakit atau kemalangan atau ketidakupayaan; (ii) perlindungan polisi adalah untuk tempoh 12 bulan atau lebih; (iii) polisi boleh diperolehi secara berasingan atau sebagai <i>rider</i> kepada polisi insurans hayat atau Takaful keluarga. Sekiranya sebagai <i>rider</i>, hanya premium/sumbangan <i>rider</i> yang layak dituntut sebagai potongan; (iv) di mana perlindungan penyakit berat digandingkan dengan polisi asas, jumlah keseluruhan premium/sumbangan <i>rider</i> yang dibayar layak dituntut sebagai potongan; (v) di mana perlindungan penyakit berat dipakej bersama perlindungan nyawa/kemalangan persendirian, 60% daripada premium/sumbangan layak dituntut sebagai potongan; (vi) pekerja yang membayar premium/sumbangan dalam polisi perubatan berkelompok layak mendapat potongan; dan (vii) premium/sumbangan <i>waiver benefit rider</i> dan insurans/takaful untuk perbelanjaan perubatan dan perjalanan tidak layak mendapat potongan. Potongan bagi jumlah bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah terhad kepada RM4,000 untuk individu dan RM4,000 untuk pasangan yang mempunyai punca pendapatan. Jika suami atau isteri memilih Taksiran Bersama, potongan yang dibenarkan bagi jumlah bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah terhad kepada RM4,000. Rujuk Helaian Kerja HK-14. Subseksyen 49(1B), 49(4) dan 50(2) ACP 1967.
-----	--	---

H20	Caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017	Potongan tidak melebihi RM350 dibenarkan bagi sumbangan dalam tahun asas kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang dibuat atau ditanggung oleh individu mengikut akta berikut: (i) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (ii) Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 bagi Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Perenggan 46(1)(n) ACP 1967	
H21(i)	Perbelanjaan bayaran pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau langganan bagi penggunaan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik bagi kenderaan sendiri (Bukan untuk kegunaan perniagaan)	Potongan atas amaun yang dibelanjakan untuk bayaran kemudahan pengecasan kenderaan elektrik seperti berikut: (i) Kos pemasangan alat pengecasan kenderaan elektrik; (ii) Pembelian termasuk pembelian secara sewa beli alat pengecasan kenderaan; (iii) Sewaan alat pengecasan kenderaan elektrik; atau (iv) Yuran langganan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik. Potongan dibenarkan bagi Tahun Taksiran 2024 hingga 2027. Perenggan 46(1)(v)(i) ACP 1967.	Jumlah potongan untuk H21 adalah terhad kepada RM2,500
H21(i)	Pembelian mesin kompos sisa makanan bagi kegunaan isi rumah	Potongan ini dibenarkan sekali bagi setiap tiga (3) tahun mulai Tahun Taksiran 2025 hingga 2027. Perenggan 46(1)(v)(ii) ACP 1967.	
H22	Bayaran faedah pinjaman rumah kediaman pertama yang dibeli untuk diduduki sebagai tempat tinggal dan terhad kepada satu unit sahaja. (Perjanjian jual beli hendaklah disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027)		
H22(i)	Harga rumah kediaman sehingga RM500,000 (Terhad 7,000)	Bagi melayakkan individu menuntut potongan ini, syarat-syarat berikut perlu dipatuhi: (i) Rumah kediaman tersebut hendaklah rumah kediaman pertama yang dibeli oleh individu untuk diduduki sebagai tempat tinggal dan terhad kepada satu unit sahaja; (ii) Perjanjian jual beli hendaklah disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027; dan (iii) Individu tidak memperoleh apa-apa pendapatan atas rumah kediaman pertama tersebut. Amaun potongan cukai individu ke atas bayaran faedah yang dibenarkan adalah bagi tiga (3) tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun faedah mula dibayar dan individu tidak boleh memilih tahun taksiran yang ingin dituntut potongan.	Jumlah potongan untuk H22 adalah terhad kepada H22(i) atau H22(ii)
H22(ii)	Harga rumah kediaman melebihi RM500,000 sehingga RM750,000 (Terhad 5,000)		

		Contoh 1 Cik Darlyna membeli sebuah rumah kediaman pertama berharga RM480,000 dan perjanjian jual beli disempurnakan pada 1 Mac 2026. Bayaran faedah atas pinjaman bermula 1 November 2028. Cik Darlyna menuntut potongan cukai atas faedah pinjaman rumah kediaman bermula dari Tahun Taksiran 2029 sehingga 2031. <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun taksiran</th><th>Amaun faedah dibayar (RM)</th><th>Amaun faedah dituntut (RM)</th><th>Amaun faedah dibenarkan (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2028</td><td>1,900</td><td>Tiada</td><td></td></tr> <tr> <td>2029</td><td>12,000</td><td>12,000</td><td>7,000</td></tr> <tr> <td>2030</td><td>12,000</td><td>12,000</td><td>7,000</td></tr> <tr> <td>2031</td><td>12,000</td><td>12,000</td><td>Tidak layak</td></tr> </tbody> </table> Cik Darlyna tidak layak menuntut potongan cukai atas faedah pinjaman rumah kediaman untuk Tahun Taksiran 2031 kerana penentuan tiga (3) tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun faedah mula dibayar adalah bermula dari Tahun Taksiran 2028. Sekiranya terdapat dua atau lebih individu layak menuntut potongan bagi sebuah rumah kediaman yang sama dan jika jumlah bayaran faedah yang dibelanjakan oleh kesemua individu berkenaan melebihi amaun yang dibenarkan dalam tahun berkenaan, setiap individu dibenarkan suatu potongan mengikut formula berikut: $\text{Jumlah faedah dibenarkan dalam tahun berkenaan} \times \frac{\text{Jumlah faedah dibelanjakan oleh individu dalam tahun berkenaan}}{\text{Jumlah faedah dibelanjakan oleh kesemua individu dalam tahun berkenaan}}$ Apabila isteri atau suami memilih taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2), maka faedah yang dibayar oleh isteri atau suami dianggap telah dibayar oleh: (i) suami sekiranya isteri memilih untuk ditaksir di bawah nama suami; atau (ii) isteri sekiranya suami memilih untuk ditaksir di bawah nama isteri. Sekiranya isteri atau suami tidak mempunyai jumlah pendapatan dan memilih ditaksir di bawah taksiran bersama, faedah yang dibayar oleh suami atau isteri hendaklah dianggap telah dibayar oleh suami atau isteri masing-masing.	Tahun taksiran	Amaun faedah dibayar (RM)	Amaun faedah dituntut (RM)	Amaun faedah dibenarkan (RM)	2028	1,900	Tiada		2029	12,000	12,000	7,000	2030	12,000	12,000	7,000	2031	12,000	12,000	Tidak layak	
Tahun taksiran	Amaun faedah dibayar (RM)	Amaun faedah dituntut (RM)	Amaun faedah dibenarkan (RM)																				
2028	1,900	Tiada																					
2029	12,000	12,000	7,000																				
2030	12,000	12,000	7,000																				
2031	12,000	12,000	Tidak layak																				
H23	Jumlah pelepasan	Jumlah amaun dari ruang H1 hingga H22. Pindahkan amaun ini ke ruang B24.																					

BAHAGIAN J:		TUNTUTAN INSENTIF																																
J1	Menuntut Perbelanjaan Khas / Potongan Selanjutnya / Potongan Dua Kali / Insentif di bawah perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967	Gunakan kod tuntutan insentif (Lampiran D) yang boleh diperoleh di Portal Rasmi LHDNM: http://www.hasil.gov.my > Borang > Muat Turun Borang > Individu > Panduan Pengiraan Dan Maklumat Lain Untuk Individu > Lampiran-lampiran. Tuntutan ini dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu: (i) Perbelanjaan khas (ii) Potongan selanjutnya (iii) Potongan dua kali (iv) Insentif di bawah perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 Pilih kod tuntutan yang berkenaan daripada senarai insentif yang disediakan bagi empat (4) kategori tuntutan di atas dan masukkan amaun berkenaan. Bagi perbelanjaan yang dikategorikan sebagai 'potongan selanjutnya', amaun yang perlu dimasukkan di bahagian ini ialah amaun potongan tambahan kepada perbelanjaan asal yang telah dituntut dalam akaun. <u>Perenggan 127(3)(b) ACP 1967</u> Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana kelas orang daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan. Pengiraan insentif dan dokumen sokongan hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak. Contoh: Encik Alex menjalankan perniagaan milikan tunggal dan menuntut insentif berikut: <table><tr><th>Kod</th><th>Keterangan</th><th>Amaun</th></tr><tr><td>225</td><td>Potongan bagi penggajian warga emas, bekas banduan, orang diparol, orang diselia dan bekas penagih dadah</td><td>12,000</td></tr><tr><td>532</td><td>Pendapatan berkenaan dengan perbelanjaan layak bagi maksud memperoleh suatu perakuan indeks bangunan hijau</td><td>20,000</td></tr><tr><td>620</td><td>Pengeluaran daripada suatu skim persaraan swasta sebelum umur 55 tahun yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007</td><td>10,000</td></tr></table> Cara pengisian Ruang J1: <table><tr><th>Kod Tuntutan</th><th>Baki Bawa Hadapan</th><th>Amaun Dituntut</th><th>Amaun Diserap</th><th>Baki Hantar Hadapan</th></tr><tr><td>225</td><td>0</td><td>12,000</td><td>12,000</td><td>0</td></tr><tr><td>532</td><td>0</td><td>20,000</td><td>20,000</td><td>0</td></tr><tr><td>620</td><td>0</td><td>10,000</td><td>0</td><td>0</td></tr></table>	Kod	Keterangan	Amaun	225	Potongan bagi penggajian warga emas, bekas banduan, orang diparol, orang diselia dan bekas penagih dadah	12,000	532	Pendapatan berkenaan dengan perbelanjaan layak bagi maksud memperoleh suatu perakuan indeks bangunan hijau	20,000	620	Pengeluaran daripada suatu skim persaraan swasta sebelum umur 55 tahun yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007	10,000	Kod Tuntutan	Baki Bawa Hadapan	Amaun Dituntut	Amaun Diserap	Baki Hantar Hadapan	225	0	12,000	12,000	0	532	0	20,000	20,000	0	620	0	10,000	0	0
Kod	Keterangan	Amaun																																
225	Potongan bagi penggajian warga emas, bekas banduan, orang diparol, orang diselia dan bekas penagih dadah	12,000																																
532	Pendapatan berkenaan dengan perbelanjaan layak bagi maksud memperoleh suatu perakuan indeks bangunan hijau	20,000																																
620	Pengeluaran daripada suatu skim persaraan swasta sebelum umur 55 tahun yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007	10,000																																
Kod Tuntutan	Baki Bawa Hadapan	Amaun Dituntut	Amaun Diserap	Baki Hantar Hadapan																														
225	0	12,000	12,000	0																														
532	0	20,000	20,000	0																														
620	0	10,000	0	0																														

J2	Menuntut insentif di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967	Perenggan 127(3A) ACP 1967 Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana orang tertentu daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan. Isikan Nombor Surat Kelulusan Insentif dari Kementerian Kewangan dan masukkan amaun berkenaan. Surat Kelulusan Menteri, pengiraan insentif dan dokumen sokongan hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak. Contoh: Encik Faizal menjalankan perniagaan akuakultur. Beliau telah menerima pengecualian khusus di bawah subseksyen 127(3A) oleh Menteri Kewangan dengan nombor siri kelulusan CP 1234/2025. Pendapatan dikecualikan cukai yang dituntut bagi Tahun Taksiran 2025 adalah berjumlah 45,000. Cara pengisian ruang J2: <table><tr><th>No. Kelulusan Insentif</th><th>Baki Bawa Hadapan</th><th>Amaun Dituntut</th><th>Amaun Diserap</th><th>Baki Hantar Hadapan</th></tr><tr><td>CP1234/2025</td><td>0</td><td>45,000</td><td>45,000</td><td>0</td></tr></table>	No. Kelulusan Insentif	Baki Bawa Hadapan	Amaun Dituntut	Amaun Diserap	Baki Hantar Hadapan	CP1234/2025	0	45,000	45,000	0						
No. Kelulusan Insentif	Baki Bawa Hadapan	Amaun Dituntut	Amaun Diserap	Baki Hantar Hadapan														
CP1234/2025	0	45,000	45,000	0														
BAHAGIAN K:		PENDAPATAN BUKAN PENGGAJIAN BAGI TAHUN KE BELAKANG YANG BELUM DILAPORKAN																
K1 – K2	Pendapatan SELAIN daripada pengajian yang diterima berkenaan tahun / tahun-tahun terdahulu yang belum dilaporkan. Contoh: Pendapatan sewa atau faedah Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.																	
BAHAGIAN L:		PENDAPATAN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA YANG DIKECUALIKAN CUKAI																
Mulai 1 Januari 2022, semua jenis pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin tertakluk kepada cukai. Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh individu pemastautin yang dikecualikan cukai mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026 adalah seperti berikut:																		
<table><tr><th>Kategori Pembayar Cukai</th><th>Jenis pendapatan yang dikecualikan cukai</th><th colspan="2">Syarat kelayakan</th></tr><tr><td>Ahli kongsi individu berhubung dengan perniagaan perkongsian di Malaysia</td><td>Dividen</td><td>Pilihan A</td><td>Mematuhi syarat <i>participation exemption</i> iaitu: (i) Dividen telah tertakluk kepada cukai di negara asal; dan (ii) Kadar cukai tertinggi (<i>headline tax</i>) di negara asal tidak kurang daripada 15% Atau</td></tr><tr><td></td><td></td><td>Pilihan B</td><td>Mematuhi syarat substantif ekonomi.</td></tr><tr><td>Individu</td><td>Semua jenis pendapatan selain daripada pendapatan perkongsian</td><td colspan="2">Pendapatan telah tertakluk kepada cukai di negara asal</td></tr></table>			Kategori Pembayar Cukai	Jenis pendapatan yang dikecualikan cukai	Syarat kelayakan		Ahli kongsi individu berhubung dengan perniagaan perkongsian di Malaysia	Dividen	Pilihan A	Mematuhi syarat <i>participation exemption</i> iaitu: (i) Dividen telah tertakluk kepada cukai di negara asal; dan (ii) Kadar cukai tertinggi (<i>headline tax</i>) di negara asal tidak kurang daripada 15% Atau			Pilihan B	Mematuhi syarat substantif ekonomi.	Individu	Semua jenis pendapatan selain daripada pendapatan perkongsian	Pendapatan telah tertakluk kepada cukai di negara asal	
Kategori Pembayar Cukai	Jenis pendapatan yang dikecualikan cukai	Syarat kelayakan																
Ahli kongsi individu berhubung dengan perniagaan perkongsian di Malaysia	Dividen	Pilihan A	Mematuhi syarat <i>participation exemption</i> iaitu: (i) Dividen telah tertakluk kepada cukai di negara asal; dan (ii) Kadar cukai tertinggi (<i>headline tax</i>) di negara asal tidak kurang daripada 15% Atau															
		Pilihan B	Mematuhi syarat substantif ekonomi.															
Individu	Semua jenis pendapatan selain daripada pendapatan perkongsian	Pendapatan telah tertakluk kepada cukai di negara asal																

Rujuk Garis Panduan Layanan Cukai Berhubung Pendapatan Yang Diterima Dari Luar Negara (Pindaan) [LHDNM.AG.600-1/7/3], Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.5) 2022 [P.U.(A)234/2022] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.6) 2022 [P.U(A) 235/2022].

Ruang ini perlu diisi oleh individu pemastautin yang meremitkan pendapatan punca luar Malaysia ke Malaysia dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025 yang dikecualikan cukai.

Negara	Sila rujuk kepada Lampiran E untuk menentukan kod negara.										
Jenis pendapatan	<table border="0"> <tr> <td>a) Perniagaan</td><td>f) Diskaun</td></tr> <tr> <td>b) Perkongsian</td><td>g) Sewa</td></tr> <tr> <td>c) Penggajian</td><td>h) Royalti</td></tr> <tr> <td>d) Dividen</td><td>j) Premium</td></tr> <tr> <td>e) Faedah</td><td>k) pendapatan lain</td></tr> </table>	a) Perniagaan	f) Diskaun	b) Perkongsian	g) Sewa	c) Penggajian	h) Royalti	d) Dividen	j) Premium	e) Faedah	k) pendapatan lain
a) Perniagaan	f) Diskaun										
b) Perkongsian	g) Sewa										
c) Penggajian	h) Royalti										
d) Dividen	j) Premium										
e) Faedah	k) pendapatan lain										
Cukai dibayar di negara asal	Isikan '1' untuk 'Ya' jika cukai dibayar di negara asal atau '2' jika tidak. Dalam menentukan sama ada pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia telah pun dikenakan cukai di negara asal, syarat-syaratnya adalah seperti berikut: (i) Cukai yang dibayar atau kena dibayar di negara asal adalah cukai pendapatan atau cukai pegangan; atau (ii) Cukai tidak dikenakan di negara asal kerana sebab-sebab berikut: (a) pendapatan tidak tertakluk kepada cukai di negara asal disebabkan sistem percukaian negara tersebut (b) pendapatan individu tidak mencapai jumlah pendapatan yang layak dikenakan cukai di negara asal. (c) pendapatan diberi pengecualian melalui insentif cukai (d) pendapatan dividen telah tertakluk kepada <i>underlying tax</i> (e) pendapatan dividen dibayar daripada <i>underlying profit</i> yang terbit daripada keuntungan operasi yang tidak tertakluk kepada cukai disebabkan: • kerugian atau elaun modal yang tidak dapat diserap; • berpunca daripada keuntungan modal • menikmati insentif cukai susulan daripada pematuhan syarat substantif di negara tersebut; atau • peraturan cukai di bawah rejim penyatuan cukai (<i>tax consolidation regime</i>) di negara asal										
Kadar cukai <i>headline</i> di negara asal	Isi bagi pendapatan dividen sahaja. Kadar <i>headline tax</i> di negara asal merujuk kepada kadar cukai korporat tertinggi di negara asal pada tahun dividen tersebut dikenakan cukai. Kadar <i>headline tax</i> hendaklah sekurang-kurangnya 15% bagi melayakkan pengecualian untuk pendapatan dividen.										
Mematuhi syarat-syarat substantif ekonomi	Isikan '1' untuk 'Ya' jika syarat substantif ekonomi dipatuhi atau '2' jika tidak. Syarat substantif ekonomi adalah menggaji bilangan pekerja yang mencukupi dengan kelayakan yang diperlukan dan melakukan perbelanjaan operasi yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti ekonomi tertentu di Malaysia.										
Jumlah cukai dikenakan di negara asal	Isi jumlah cukai yang telah dikenakan di negara asal di mana pendapatan tersebut terbit. Individu pemastautin hendaklah menyimpan dokumen berkaitan pendapatan, notis taksiran atau dokumen-dokumen lain yang menunjukkan pendapatan tersebut telah dikenakan cukai di luar negara. Cukai asing untuk tujuan pelepasan kredit cukai (sebelah atau dua belah pihak) adalah cukai yang dikenakan ke atas suatu pendapatan oleh										

		negara di mana pendapatan itu terbit atau diperoleh yang berkaitan dengan bahagian pendapatan yang diremitkan ke Malaysia Gunakan kadar pertukaran wang asing pada tarikh peremitan pendapatan dilakukan bagi mengisi ruangan ini.
	Amaun pendapatan diremitkan	Jumlah pendapatan yang diterima di Malaysia mengikut jenis pendapatan. Gunakan kadar pertukaran wang asing pada tarikh peremitan pendapatan dilakukan bagi mengisi ruangan ini.
BAHAGIAN M:		MAKLUMAT PENDAPATAN PERNIAGAAN
M1	Rumusan kerugian perniagaan dan perkongsian yang tertakluk kepada sekatan di bawah subseksyen 44(5F) Akta Cukai Pendapatan 1967	Bahagian ini menyediakan ruang bagi melaporkan kerugian perniagaan / perkongsian tahun taksiran semasa dan tahun taksiran kebelakangan. Kerugian Tahun Taksiran Semasa Kerugian tahun taksiran semasa perniagaan dan perkongsian yang diserap dalam tahun taksiran semasa serta baki kerugian yang dihantar hadapan untuk tolakan dalam tahun taksiran akan datang. Kerugian Tahun Taksiran Kebelakangan * Pelaporan tuntutan kerugian ke belakang yang diserap dalam tahun semasa perlu dibuat mengikut tahun taksiran kerugian tersebut mula berbangkit dengan mengambilkira maklumat berikut: • Kerugian belum serap pada awal tahun taksiran semasa; dan • Kerugian diserap / diabaikan dalam tahun taksiran semasa serta baki kerugian yang dihantar hadapan untuk diabaikan diserap dalam tahun taksiran berikutnya. * Nota: Mulai Tahun Taksiran 2019, kerugian tahun semasa yang tidak dapat diserap hanya dibenarkan untuk dibawa ke hadapan untuk diserap bagi tempoh maksimum sehingga sepuluh (10) tahun taksiran berturut-turut [Subseksyen 44(5F)]. <u>Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 43 dan 44</u> Peruntukan khas ini membenarkan kerugian yang masih belum diserap sepenuhnya dalam Tahun Taksiran 2018, dibenarkan dibawa ke hadapan untuk diserap sehingga maksimum sepuluh (10) tahun taksiran bermula Tahun Taksiran 2019. Helaian Kerja HK-1.3.
M2	Elaun modal perniagaan hantar hadapan	Baki elaun modal yang tidak dapat diserap dalam pengiraan pendapatan berkanun perniagaan. Amaun K6 dari Helaian Kerja HK-1 / amaun N6 dari Helaian Kerja HK-1D.
M3	Elaun modal perkongsian hantar hadapan	Baki elaun modal yang tidak dapat diserap dalam pengiraan pendapatan berkanun perkongsian. Amaun H5 dari Helaian Kerja HK-1B.

BAHAGIAN N:		MAKLUMAT KEWANGAN ORANG PERSEORANGAN (PERNIAGAAN UTAMA SAHAJA)
N1	Nama perniagaan	Isi nama perniagaan bagi perniagaan utama sahaja. Jika mempunyai lebih daripada satu perniagaan utama, isi nama perniagaan yang mempunyai perolehan terbesar.
N1a	No. pendaftaran perniagaan	Isi nombor pendaftaran perniagaan bagi perniagaan utama berkenaan.
N2	Kod perniagaan	Isi kod perniagaan (rujuk Lampiran G) bagi perniagaan utama berkenaan.
N2a	Jenis aktiviti perniagaan	Nyatakan jenis aktiviti perniagaan berkenaan dalam petak yang disediakan.
N3	Jualan atau perolehan	Pendapatan kasar termasuk pendapatan terakru daripada jualan, fi dan terimaan lain.
N4	Inventori awal	Stok barangan siap seperti dalam Penyata Untung atau Rugi.
N5	Belian dan kos pengeluaran	- Jumlah belian kasar tolak diskaun, rebat dan pulangan belian. - Kos pengeluaran daripada Akaun Pengilangan.
N6	Inventori akhir	Stok barangan siap seperti dalam Penyata Untung atau Rugi.
N7	Kos jualan	Jumlah (N4 campur N5 tolak N6). Isikan '0' jika tiada.
N8	Untung / rugi kasar	N3 tolak N7. Tandakan 'X' di kotak yang disediakan jika rugi.
N9	Perniagaan lain	Jumlah jualan atau perolehan daripada punca selain dari N1. Untuk pendapatan perkongsian – Amaun dari ruang A13, CP30.
N10 – N12	Dividen, faedah dan diskaun, sewa, royalti dan premium	Pendapatan kasar daripada punca berkenaan.
N13	Pendapatan lain	Jumlah semua pendapatan kasar daripada punca bukan perniagaan yang tidak disenaraikan di atas.
N15 – N24	Perbelanjaan	Amaun seperti dalam Penyata Untung atau Rugi. N15 : Faedah pinjaman Jumlah semua perbelanjaan faedah kecuali faedah sewa beli dan faedah pajakan.
N26	Untung / rugi bersih	Untung atau Rugi Bersih seperti dalam Penyata Untung atau Rugi.
N27	Perbelanjaan yang tidak dibenarkan	Amaun F1 dari Helaian Kerja HK-1, HK-1D atau HK-1E.
N28 – N31	Aset tetap	Nilai buku bersih seperti dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
N33	Pelaburan	Kos pelaburan dan simpanan tetap.
N34 – N39	Aset semasa	Jumlah seperti dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
N42 – N44	Liabiliti	Jumlah seperti dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
N46	Akaun modal	Jumlah seperti dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

N47	Baki akaun semasa bawa hadapan	Baki akaun semasa hantar hadapan daripada tahun lepas tidak termasuk modal.
N48	Untung / rugi tahun semasa	Jumlah seperti dalam Penyata Untung atau Rugi.
N49	Ambilan / pendahuluan (Bersih)	Ambilan tunai atau ambilan stok untuk kegunaan sendiri, atau pendahuluan tunai dalam tahun semasa.
N50	Baki akaun semasa hantar hadapan	Jumlah amaun dari ruang N47 hingga N49.
BAHAGIAN P:		MAKLUMAT EJEN CUKAI DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI
P1 – P9	- No. Kelulusan Ejen Cukai adalah nombor kelulusan yang diberikan kepada ejen cukai yang diluluskan di bawah subseksyen 153(3) ACP 1967. - Bahagian ini perlu diisi dan ditandatangani oleh ejen cukai yang menyediakan borang nyata ini.	
AKUAN		
Borang nyata yang tidak ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses, dan Surat Pemberitahuan Borang Nyata Tidak Lengkap akan dikeluarkan sebagai makluman. Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengemukakan semula borang nyata kepada LHDNM.		

JADUAL CUKAI TAHUN TAKSIRAN 2025						
KATEGORI	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (a)		PENGIRAAN RM (b)		KADAR % (c)	CUKAI RM (d)
A	0	-	5,000	pertama	0	0
B	5,001	-	20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150
C	20,001	-	35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	3	150 450
D	35,001	-	50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	6	600 900
E	50,001	-	70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	11	1,500 2,200
F	70,001	-	100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	19	3,700 5,700
G	100,001	-	400,000	100,000 pertama 300,000 berikutnya	25	9,400 75,000
H	400,001	-	600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	26	84,400 52,000
I	600,001	-	2,000,000	600,000 pertama 1,400,000 berikutnya	28	136,400 392,000
J	Melebihi 2,000,000		2,000,000 pertama Setiap ringgit berikutnya		30	528,400

KOD NEGARA					
Sebahagian dari kod negara untuk pilihan. Rujuk Lampiran E untuk senarai lengkap jika negara pilihan tidak disenaraikan.					
Negara	Kod	Nama	Kod	Nama	Kod
Australia	AUS	Iran (Islamic R.O.)	IRN	Philippines	PHL
Bangladesh	BGD	Iraq	IRQ	Saudi Arabia	SAU
Brunei Darussalam	BRN	Japan	JPN	Singapore	SGP
Cambodia	KHM	Korea, D.P.R.	PRK	South Africa	ZAF
Canada	CAN	Korea, R.O.	KOR	Sri Lanka	LKA
China	CHN	Laos, D.P.R.	LAO	Taiwan	TWN
Denmark	DNK	Malaysia	MYS	Thailand	THA
Hong Kong	HKG	Myanmar	MMR	United Kingdom	GBR
India	IND	New Zealand	NZL	United States	USA
Indonesia	IDN	Pakistan	PAK	Vietnam	VNM

Nota: R.O. = Republic of;

D.P.R. = Democratic People's Republic